



# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KELIMA**

*Fifth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**

*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1982 [Ruangan 4353]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1982 [Ruangan 4382]**



MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P., D.P., D.U.P.N. (Kubang Pasu).**
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., (Labis).**
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- „ Menteri Luar Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- „ Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- „ Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P. (Ulu Kelantan).**
- „ Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATO' SERI SHARIFF AHMAD, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- „ Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).**
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).**
- „ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**
- „ Menteri Pertanian, **DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).**
- „ Menteri Tenaga Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).**
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).**
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).**

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAFA (Paloh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFAH DORAH BINTI SYED MOHD., A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MAHYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).

- Yang Berhormat TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ TAN SRI DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungei Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWIN ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).

- Yang Berhormat TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.-D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).

Yang Berhormat TUAN P. PATTO (Menglembu).

- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.



## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Jumaat, 23hb Oktober, 1981

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 4.00 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

## RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG  
PERBEKALAN, 1982

Bacaan Kali Yang Kedua

4.03 ptg.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sebahagian dari Kumpulanwang Yang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 1982 serta menguntukkan wang tersebut bagi kegunaan perkhidmatan tahun itu", dibacakan pada kali yang kedua.

*Prestasi Malaysia Dalam Tahun 1981*

Semenjak Ucapan Belanjawan saya yang lalu, ekonomi Malaysia telah berkembang dengan baiknya walaupun ekonomi negara-negara perindustrian terus merosot. Ekonomi kita dijangka mencapai kadar pertumbuhan kira-kira 6.8% dalam tahun 1981 berbanding dengan anggaran sebanyak 7.6% di dalam Belanjawan saya yang lalu. Ahli-ahli Yang Berhormat tentu bersetuju bahawa kadar pertumbuhan ekonomi ini adalah tetap tinggi dan membanggakan terutamanya di ketika dunia mengalami tekanan inflasi, kemelesetan ekonomi dan pengangguran yang kian meluas.

Sungguhpun ekonomi kita telah berjaya mengekalkan pertumbuhan ekonomi pada

paras yang tinggi, tetapi adalah sukar kita hendak menahan kenaikan harga, akibat dari tekanan dalam negeri dan lebih-lebih lagi pengaruh inflasi dari luar negeri. Ini tidak dapat dielakkan oleh kerana ekonomi yang terbuka seperti ekonomi kita, lebih-lebih lagi apabila seluruh negara perindustrian terus menerus mengalami kadar inflasi yang melumpuhkan dalam masa tiga tahun yang lalu.

Walaupun bagaimanapun harga-harga yang tinggi ini tidaklah melemahkan aktiviti ekonomi kita sehingga meningkatkan pengangguran. Sebaliknya ekonomi Malaysia telah mengalami kekurangan tenaga-buruh pula dalam bidang-bidang tertentu. Sebenarnya kadar pengangguran telah dianggarkan turun kepada 5.2% tahun ini. Ini adalah satu lagi kemajuan positif dalam ekonomi kita, terutama sekali dari segi jangka masa yang lebih panjang. Ini bermakna lebih ramai rakyat telah mendapat pekerjaan, keupayaan kita telah bertambah di bidang pengeluaran dan usaha penyusunan semula di bidang pekerjaan sedang berlaku. Ini semuanya meninggikan lagi pendapatan sekeluarga terutamanya bagi mereka yang dahulunya tidak bekerja sepenuhnya

Tetapi kemelesetan ekonomi dan inflasi yang berlarutan di seluruh dunia telah melemahkan Imbangan Pembayaran Malaysia.

Walaupun harga-harga barangan yang rendah telah menjejaskan pendapatan hasil Kerajaan Persekutuan, Belanjawan tahun 1981 dijangka akan membawa hasil yang lebih menggalakkan dari apa yang diramalkan. Ini adalah kerana cukai-cukai pendapatan telah menunjukkan prestasi yang lebih baik dari yang dijangkakan, dan pertumbuhan dalam Perbelanjaan Mengurus jua telah banyak terkawal. Jadi Akau

Semasa Belanjawan 1981 sekarang dijangka akan menunjukkan lebih sebanyak \$462 juta berbanding dengan Anggaran Belanjawan tahun dahulu sebanyak \$372 juta. Perbelanjaan Pembangunan dijangka akan mencapai prestasi yang baik tahun ini. Sejumlah \$5,680 juta sudah pun dibelanjakan dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini. Kira-kira \$8,611 juta dijangka dibelanjakan bagi seluruh tahun 1981, iaitu lebih 17.5% daripada perbelanjaan sebenar dalam tahun 1980. Ini menunjukkan peranan besar yang dimainkan oleh Belanjawan dalam usaha mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi, selaras dengan matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang tertentu bagi memperkemas jentera Kerajaan. Untuk tujuan ini, Jawatankuasa Kabinet mengenai Pelaksanaan telah mengambil langkah-langkah yang menyeluruh bagi menyelaraskan kaedah-kaedah pentadbiran dan bagi mempercepatkan proses serta meningkatkan kecerdasan membuat keputusan. Begitu juga, Kerajaan akan memperbaiki lagi pengurusan projek dan akauntibility serta keseluruhan keupayaan pelaksanaan. Ini adalah amat mustahak kerana Belanjawan-belanjawan negara dan terutama sekali perbelanjaan pembangunan telah berlipatganda dari setahun kesetahun untuk membantu mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru.

#### *Tinjauan Ekonomi Antarabangsa bagi tahun 1982*

Tuan Yang di-Pertua, kemelesetan ekonomi dunia dijangka akan berterusan. Suasana ekonomi antarabangsa bagi tahun 1982 dijangka tidak akan banyak berubah, sekurang-kurangnya pada setengah tahun pertama tahun hadapan. Oleh kerana proses pemulihan ekonomi antarabangsa ini begitu tidak tentu, apatah lagi tentang sepesat mana dan bila masanya pemulihan ini akan berlaku, maka amatlah mustahak bagi Strategi Belanjawan bagi tahun 1982 meneruskan peranannya mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi, dengan penuh azam dan ketegasan, dalam usaha

menunaikan kehendak-kehendak sosio-ekonomi kita.

#### *Strategi Belanjawan 1982*

Strategi Belanjawan tahun 1982 bertujuan untuk:

- (a) Mengutamakan perkembangan aktiviti-aktiviti ekonomi dalam negeri supaya pertumbuhan yang lebih tinggi dapat dicapai. Ini akan diusahakan terutama sekali melalui peningkatan pengeluaran dan bekalan yang diperlukan dalam bidang makanan, pembuatan dan pembinaan dan juga melalui proses melicinkan dan menyusun semula galakan-galakan cukai;
- (b) Memperhebatkan usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan, terutama sekali di kawasan-kawasan yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi;
- (c) Membendung inflasi dalam negeri dengan tegasnya, melalui berbagai-bagai langkah.
- (d) Mengambil tindakan untuk menguatkan imbalan pembayaran, terutama dari segi jangka-panjang.

Jadi, tujuan Strategi Belanjawan ialah untuk meningkatkan pertumbuhan dan bekalan dan membendung kenaikan harga, terutama sekali barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan yang digunakan oleh golongan miskin dan yang berpendapatan rendah. Ini juga akan membantu meningkatkan keupayaan daya dan pengeluaran di bidang-bidang yang mustahak supaya menambahkan pendapatan dan peluang-peluang pekerjaan terutama sekali bagi mereka yang bekerja di sektor-sektor ini.

#### LANGKAH-LANGKAH BELANJAWAN

##### *Pertumbuhan Ekonomi—Bagi Membasmi Kemiskinan dan Penyusunan Semula Masyarakat*

Salah satu sendi gerakan Strategi Belanjawan 1982 ialah meneruskan kemajuan pertumbuhan ekonomi. Ini adalah perlu bagi menentang kesan-kesan kemelesetan ekonomi di negara-negara

perindustrian. Walaupun dunia meleset kita mestilah berusaha menentukan agar ekonomi Malaysia terus berkembang sekadar yang memuaskan, bagi mencapai matlamat-matlamat sosio-ekonomi yang terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Persepektif jangka-panjang. Kita tidak boleh mengendurkan pertumbuhan ini ataupun mengambil langkah-langkah separuh-jalan, yang harus memuaskan dari segi jangka pendek tetapi akhirnya menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan kebajikan rakyat. Kita mestilah terus mengambil pandangan jangka panjang dan seterusnya menggunakan sepenuhnya keupayaan sumber asas kita bagi mengatasi masalah-masalah semasa kita. Kita juga haruslah mengambil langkah-langkah tegas, bagi membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, tanpa dijejaskan atau dihalangi oleh suasana perkembangan ekonomi antarabangsa jangka pendek yang kurang memuaskan. Dengan itu, Belanjawan ini adalah bermaksud untuk terus menggalakkan perkembangan ekonomi, terutamanya di sektor-sektor yang akan menambahkan bekalan dan menggalakkan pertumbuhan dan juga meredakan tekanan inflasi.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya sejumlah \$31,951 juta diperuntukkan bagi Belanjawan tahun 1982. Iaitu \$17,319 juta untuk Perbelanjaan Mengurus dan \$14,632 juta untuk Pembangunan.

Peruntukan ini merupakan kenaikan sebanyak \$8,874 juta atau lebih kurang 38 peratus dari Anggaran Perbelanjaan asal bagi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan 1981 yang berjumlah \$23,077 juta. Setelah mengambilkira Tambahan Pertama Anggaran Pembangunan tahun 1981 sebanyak \$4,294 juta, maka jumlah anggaran perbelanjaan tahun 1982 menunjukkan kenaikan sebanyak \$4,580 juta atau lebih kurang 17 peratus dari anggaran yang disemak semula bagi tahun 1981.

Peruntukan terbesar di bawah Anggaran Perbelanjaan Mengurus adalah bagi Sektor Sosial, yang akan diperuntukkan lebih kurang \$4,950 juta atau 28.6% dari jumlah Anggaran Mengurus. Sebanyak \$3,256 juta diperuntukkan bagi Pelajaran dan \$1,067 juta bagi Kesihatan. Sektor Ekonomi

diperuntukkan lebih kurang \$1,769 juta atau 10.2% dari jumlah Perbelanjaan Mengurus. Keselamatan, yang meliputi Pertahanan dan Keselamatan Dalam Negeri, diperuntukkan sebanyak \$3,316 juta atau lebih kurang 19.2% daripada Perbelanjaan Mengurus.

Perbelanjaan Pembangunan akan memberi keutamaan yang paling tinggi kepada Sektor Ekonomi. Peruntukan bagi Sektor ini berjumlah \$6,640 juta atau lebih kurang 45.4% dari jumlah Perbelanjaan Pembangunan 1982. Sektor Pertanian akan terus diberi keutamaan yang tinggi dan akan diperuntukkan sejumlah \$2,027 juta, termasuklah \$480 juta untuk pertanian, \$280 juta bagi parit dan taliair, dan \$713 juta untuk pembangunan tanah.

Lebih kurang \$180 juta akan disediakan untuk baja dan lain-lain input bagi menambah hasil-hasil pertanian yang akan membolehkan kira-kira 300,000 petani meningkatkan penghasilan dari kira-kira 1,260,000 ekar. Lebih kurang \$95 juta akan diperuntukkan bagi penanaman semula getah termasuk \$38 juta sebagai subsidi penanaman semula kira-kira 126,550 ekar getah pekebun-pekebun kecil. Bakinya akan dibelanjakan untuk lain-lain input pertanian, jalan-jalan ladang dan jambatan, dan untuk kemudahan-kemudahan prosesan dan pemasaran di luar bandar.

Mengenai Parit dan Taliair, peruntukan sebanyak \$106 juta akan disediakan untuk melaksanakan Projek-projek Pembangunan Pertanian Sepadu di Johor Barat, Barat Laut Selangor, Krian/Sungai Manik, Kelantan Utara, Besut dan Kemasin/Semerak. Lebih kurang \$713 juta akan dibelanjakan untuk pembangunan tanah termasuk kira-kira \$402 juta bagi FELDA untuk memajukan kira-kira 77,000 ekar tanah baru yang akan membawa faedah kepada kira-kira 6,000 keluarga. Ini termasuklah kira-kira \$20 juta untuk meneruskan pembangunan kawasan-kawasan lama dan juga kawasan-kawasan baru kira-kira 39,000 ekar di Sabah, yang akan memanfaatkan kira-kira 3,900 keluarga. Peruntukan sebanyak \$250 juta akan disediakan bagi projek-projek besar Pembangunan Wilayah. DARA akan diperuntukkan lebih kurang \$73 juta, KEJORA \$47 juta, KETENGAH \$76 juta

dan KESEDAR \$38 juta. Lembaga Tabung Getah Sabah diberi peruntukan untuk menanam kira-kira 5,000 ekar getah untuk faedah kira-kira 500 keluarga. Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak akan diberi kira-kira \$21 juta untuk memajukan 26,595 ekar yang ada dan 2,825 ekar tanah baru. Jabatan Pertanian pula akan membuka 4,000 ekar tanah baru bagi menanam getah yang memberi faedah kepada kira-kira 1,000 keluarga. Di samping itu, FELCRA akan juga menanam kira-kira 700 ekar getah di Nanga Skua di Bahagian Ketiga Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, duti eksport ke atas getah dan minyak kelapa sawit, iaitu barangan utama pertanian, seperti juga bijih timah, telah disemak semula dari masa ke semasa dengan mengambil kira kos pengeluaran yang meningkat bagi barangan tersebut. Pada bulan Ogos tahun ini duti eksport ke atas getah dikaji semula berdasarkan kepada konsep "cost plus". Ini adalah untuk memberi galakan yang lebih bagi mengeluarkan getah bermutu tinggi, terutamanya oleh pekebun-pekebun kecil. Pada hari ini saya ingin mencadangkan beberapa perubahan atas duti eksport bagi minyak kelapa sawit yang diproses. (*Lihat Lampiran*)

#### *Pengecualian Duti Eksport ke atas Minyak Kelapa Sawit Diproses*

Perkembangan pesat yang telah dicapai oleh industri menapis minyak kelapa sawit di beberapa tahun kebelakangan ini amatlah menggalakkan. Ini adalah hasil dari galakan cukai yang diberikan oleh Kerajaan dalam bentuk pengecualian duti eksport ke atas keluaran minyak kelapa sawit yang diproses. Sungguhpun galakan ini telah menghasilkan kesan yang dikehendaki dalam menggalakkan pemerosesan minyak kelapa sawit kepada beberapa peringkat penapisan sehingga hampir ke tingkat akhir, beberapa perubahan dalam struktur pengecualian duti perlu juga dibuat untuk mengambil kira kenaikan kos menapis oleh syarikat-syarikat penapis dan menggalakkan eksport berbagai jenis keluaran oleh industri ini. Adalah dicadangkan supaya:

- (i) tahap asas pengecualian duti akan dinaikkan dari kira-kira \$75 kepada

\$95 kerana mengambil kira kenaikan dalam kos penapisan;

- (ii) keluaran minyak kelapa sawit yang diproses akan dibahagikan kepada 5 kategori dan tidak lagi 4 kategori seperti sekarang. Satu kategori baru yang dikenali sebagai kategori III akan diwujudkan bagi satu keluaran yang telah diproses melalui tiga tingkat pemerosesan, yang sepatutnya mendapat pengecualian yang lebih besar;
- (iii) kadar pengecualian akan disesuaikan semula supaya ada selisih sebanyak 5 mata peratusan antara satu kategori dengan yang lain. Ini bermakna bahawa kadar pengecualian ke atas kategori II yang ada dalam struktur sekarang akan dikurangkan sebanyak 5 mata peratusan. Kadar bagi lain-lain kategori tidak berubah. Dengan ini, dasar yang ada sekarang yang menitikberatkan pengeksporan berbagai jenis minyak kelapa sawit yang diproses adalah dikekalkan.

Supaya selaras dengan dasar ini, duti eksport atas stearin yang sekarang ini 5% patutlah juga diubah. Oleh itu dari sekarang, stearin yang ditapis sepenuhnya akan dikecualikan daripada duti eksport sepenuhnya. Duti eksport 5% akan hanya dikenakan kepada stearin mentah dan yang separuh diproses.

Perubahan-perubahan baru ini, pukl rata, akan membawa keuntungan kira-kira \$20 satu ton kepada pekilang barang-barang yang berunsurkan minyak kelapa sawit.

Daya pengeluaran pertanian dan pertumbuhan ekonomi dapat dipertingkatkan lagi dengan mengadakan lebih banyak kemudahan infrastruktur. Sebahagian besar dari peruntukan Belanjawan 1982 akan disediakan bagi memperluaskan lagi kemudahan infrastruktur. Ini adalah perlu bagi memperkukuh dan mengembangkan asas ekonomi, supaya ekonomi keseluruhannya dapat berkembang dengan lebih meluas dan juga bagi menyediakan lebih banyak lagi khidmat-khidmat perlu terutama yang membawa faedah kepada golongan miskin dan yang berpendapatan

rendah. Oleh itu, maka kira-kira \$1,045 juta akan disediakan di bawah Anggaran Pembangunan untuk membina jalan-jalan raya dan jambatan dan \$188 juta akan disediakan di bawah Perbelanjaan Mengurus untuk tujuan yang sama. Sejumlah \$168 juta akan disediakan bagi menambah kemudahan-kemudahan Keretapi. Di samping itu sebanyak \$330 juta akan disediakan bagi Pelabuhan-pelabuhan dan \$243 juta bagi Penerbangan Awam, bagi memperbaiki kemudahan-kemudahan yang sedia ada dan menambah kemudahan-kemudahan dan alat kelengkapan sebagai sebahagian dari program pemodenan. Untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi di kawasan-kawasan luar bandar, kemudahan-kemudahan infrastruktur akan disediakan dengan lebih banyak lagi. Oleh itu, sejumlah \$264 juta diperuntukkan bagi memperbaiki dan membina jalan-jalan luar bandar, sebanyak \$190 juta bagi bekalan letrik luar bandar dan \$110 juta bagi bekalan air luar bandar.

#### *Bayaran Pengangkutan Jalan*

Dengan bertambah baiknya kemudahan-kemudahan pengangkutan maka sudah wajarlah dinaikkan bayaran pengangkutan jalan. Bayaran pengangkutan jalan bagi pendaftaran dan pindah milik kereta motor tidak dipinda sejak tahun 1970. Adalah dirasakan bahawa masanya telah tiba untuk menyemak semula bayaran-bayaran ini dan menaikkannya supaya sesuai dengan keadaan sekarang. Bayaran-bayaran ini akan dinaikkan dua kali ganda misalnya dari \$20 kepada \$40 bagi tukar milik kereta motor sementara bayaran bagi salinan lesen akan dinaikkan dari \$5 kepada \$20 atau 4 kali ganda daripada kadar sekarang.

#### *Pelancungan*

Perkembangan dan kemajuan yang mantap dalam sektor pengangkutan akan menggalakkan lagi industri pelancungan. Oleh itu, Perbadanan Kemajuan Pelancungan akan diperuntukkan sejumlah \$31.6 juta bagi tahun 1982. Dari jumlah ini, sebanyak \$23.6 juta ialah untuk belanja mengurus dan \$8 juta untuk pembangunan. Penggalakan pelancungan adalah ditujukan

terutama sekali kepada pelancung-pelancung dari Australasia, Eropah, dan Jepun untuk memperkenalkan Malaysia sebagai suatu tumpuan pelancungan yang utama di rantau ini.

#### *Kemudahan pemeriksaan kastam ke atas penumpang-penumpang di lapangan terbang negara kita*

Bagi memperbaiki pentadbiran kastam dan untuk memudahkan pemeriksaan kastam ke atas penumpang-penumpang yang tiba menerusi lapangan-lapangan terbang, adalah dicadangkan supaya diperluas bilangan serta senarai barang-barang yang dikecualikan dari duti yang boleh dibawa masuk oleh mereka. Barang-barang ini termasuklah alat-alat solek, minyak wangi, pakaian, kasut, cenderamata dan hadiah. Adalah juga dirancang untuk mengadakan sistem "lorong hijau" (green lane system) di pintu pemeriksaan kastam supaya penumpang-penumpang yang tidak mempunyai apa-apa barang yang dikenakan cukai boleh keluar tanpa pemeriksaan kastam.

Saya juga mencadangkan supaya dimansuhkan duti import, cukai tokok dan cukai jualan atas kamera, jam tangan, pen dan pemetik api, iaitu barang-barang yang popular di kalangan pelancung. Barang-barang ini tidak dikeluarkan di negara ini dan penghapusan duti-duti tadi ke atasnya adalah dijangka mengembangkan perniagaan runcit dalam barang-barang ini di seluruh negara. Saya berharap para peniaga terutama sekali Bumiputera akan mengambil peluang ini untuk meluaskan lagi perniagaan mereka dengan menjadi pengimport dan penjual barang-barang ini.

#### *Galakan untuk Hotel*

Bagi menggalakkan industri pelancungan, galakan-galakan hotel untuk Kuala Lumpur dan Pulau Pinang yang tamat pada akhir tahun 1973 akan ditawarkan semula dan akan dilanjutkan sehingga 31hb Disember, 1986 bagi hotel-hotel yang baik standadnya. Selain dari galakan yang ada, iaitu pelepasan cukai penuh di bawah taraf perintis, pengurangan cukai pendapatan yang dikenakan, Kerajaan akan juga memperkenalkan galakan baru

dalam bentuk Kredit Cukai Hotel yang akan diberi bagi semua kawasan. Tetapi bagi Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, kredit ini diberikan hanya sehingga 31hb Disember, 1986. Galakan cukai ini samalah seperti Kredit Cukai Pelaburan yang diberi kepada sektor perkilangan, iaitu memberi kredit cukai sebanyak sekurang-kurangnya 25% daripada jumlah perbelanjaan modal.

Sejumlah \$1,004 juta telah diperuntukkan kepada Kementerian Perusahaan Awam dalam Belanjawan 1982. Dari jumlah ini lebih kurang \$500 juta diperuntukkan kepada agensi-agensi utama seperti UDA, Bank Pembangunan dan PKEN-PKEN, sebagai sebahagian dari strategi keseluruhan untuk mempergiat lagi penglibatan Bumiputera dalam sektor perniagaan.

Dalam tahun 1982, UDA akan membangun semula beberapa buah bandar lama untuk memberi peluang pekerjaan dalam perdagangan dan perindustrian kepada Bumiputera dalam bandar-bandar tersebut. Selaras dengan objektif menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam perdagangan dan perindustrian, projek-projek yang berkeuntungan yang sedang dilaksanakan oleh PKEN-PKEN akan dipindahkan kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB) atau secara langsung kepada golongan Bumiputera setelah mereka mempunyai kemampuan dan kebolehan yang cukup dalam sumber-sumber kewangan dan pengurusan.

Dividen yang kecualikan daripada cukai pendapatan yang diperolehi tiap-tiap tahun daripada pelaburan dalam Amanah Saham Nasional dan lain-lain amanah saham yang diluluskan, akan dinaikkan hadnya dari \$4,000 kepada \$5,000.

Sektor Sosial diperuntukkan sebanyak \$3,332 juta atau 22.8% dari Perbelanjaan Pembangunan. Peruntukan terbesar bagi Sektor Sosial ialah untuk Perumahan yang dicadangkan sebanyak \$1,428 juta. Pelajaran pula mendapat sebanyak \$1,078 juta.

Sebahagian besar dari Perbelanjaan Pembangunan untuk Pelajaran yang berjumlah \$1,078 juta akan diperuntukkan

bagi pembinaan kira-kira 20,815 buah bilik darjah baru, 29 buah sekolah menengah vokasional baru, 385 buah rumah guru di kawasan luar bandar dan 98 buah asrama untuk sekolah-sekolah menengah. Peruntukan yang lebih banyak akan disediakan untuk bantuan subsidi pembelajaran dalam berbagai bentuk, untuk menggalak dan membolehkan kanak-kanak sekolah, terutama mereka dari golongan miskin dan yang berpendapatan rendah menikmati peluang dan faedah dari program-program dan dasar-dasar pelajaran Kerajaan. Oleh itu lebih kurang \$45 juta akan disediakan bagi Program Makanan Tambahan yang akan memberi faedah kepada kira-kira 850,000 orang murid. Sebanyak \$59 juta lagi akan disediakan sebagai Subsidi Makanan Asrama yang akan memberi faedah kepada kira-kira 129,000 murid. Kira-kira \$95 juta pula akan disediakan bagi biasiswa dan dermasiswa untuk membantu lebih kurang 147,000 murid, dan sebanyak \$30 juta akan disediakan bagi Skim Pinjaman Buku Teks, yang akan memberi faedah kepada lebih kurang 2,683,000 murid.

Sebagai sebahagian dari program yang sedang dilaksanakan untuk menambah bilangan dan mutu sumber-sumber tenaga manusia, lebih kurang \$121 juta akan disediakan bagi latihan pra-perkhidmatan di maktab-maktab latihan perguruan. Sejumlah lebih kurang \$488 juta akan disediakan dalam Perbelanjaan Mengurus bagi kelima-lima buah Universiti, Instituit Teknologi MARA dan Kolej Tunku Abdul Rahman. Ini akan memberi faedah kepada lebih kurang 49,000 pelajar yang mengikuti berbagai kursus profesyenal, akademik dan teknikal. Peruntukan-peruntukan tambahan adalah juga dicadangkan bagi penubuhan Sekolah Pengajian Perubatan di Universiti Sains di Kelantan, Universiti Teknologi Malaysia yang baru di Johor dan Akademi Islam Universiti Malaya di Bachok, Kelantan. Adalah dijangkakan siswazah-siswazah dari semua institusi pelajaran tinggi ini kelak dapat diserapkan ke dalam pasaran buruh dan kekurangan kakitangan iktisas dan teknikal yang dialami sekarang dapat diatasi bagi membantu mempercepatkan perkembangan dan pemodenan ekonomi.

### *Perumahan*

Sebagai langkah untuk mempercepat pembinaan rumah bagi memenuhi keperluan yang kian bertambah di kalangan golongan berpendapatan rendah, keutamaan akan diberi kepada pembinaan rumah kos rendah yang akan diberi sewa sebelum mereka memilikinya mengikut konsep "Condominium" seperti yang diisytiharkan oleh Kerajaan baru-baru ini. Sejumlah \$485 juta adalah dicadangkan untuk projek-projek perumahan Kerajaan-kerajaan Negeri dan Wilayah Persekutuan. Peruntukan ini akan dapat membiayai lebih kurang 49,600 unit rumah kos rendah dalam tahun 1982 termasuk pembelian rumah-rumah kos rendah yang dibina oleh pemaju-pemaju swasta.

Ke semua pelaburan perumahan ini memerlukan lebih ramai pekerja pembinaan yang mahir. Oleh itu berasaskan pengalaman kita setakat ini Skim Latihan di Tempat Kerja yang telah dimulakan semenjak Belanjawan tahun lalu untuk industri pembinaan akan diperbaiki lagi.

### *Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah*

Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah akan dipinda untuk mengecualikan cukai dari keuntungan yang terbit dari jualan sebuah rumah daripada suami kepada isteri, atau sebaliknya. Pindah milik antara suami dan isteri adalah urusan keluarga, dan oleh itu sepatutnya tidak tertakluk kepada cukai di bawah Akta tersebut.

Peruntukan di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah yang mengecualikan keuntungan yang terbit dari penyusunan semula syarikat bagi mematuhi Dasar Ekonomi Baru didapati terlalu ketat. Akta tersebut menghendaki syarikat-syarikat menguruskan pindah milik saham atau sebahagian besarnya dalam bentuk saham dan bakinya dalam bentuk wang tunai untuk mendapat pengecualian. Syarat ini mungkin tidak mendorong syarikat asing melaksanakan penyusunan semula kerana mereka mungkin tidak mahu memegang saham dalam syarikat yang ditubuhkan di negara ini dan pemegang-pemegang saham minoriti pula mungkin lebih sukakan wang tunai. Oleh itu, Akta ini perlu dipinda bagi

membenarkan pengecualian walaupun pindahmilik itu berupa bayaran wang tunai dengan syarat pindah milik itu dilakukan di bawah skim penyusunan semula yang diluluskan. Pembahagian harta berikutan pembubaran sesebuah syarikat juga tidak akan dikenakan cukai jika ia dilakukan di bawah skim penyusunan semula yang diluluskan.

Satu lagi pindaan ialah untuk mengecualikan cukai ke atas keuntungan yang terbit dari harta yang terpaksa diambilalih oleh Kerajaan. Adalah juga dicadangkan bahawa mulai hari ini apa-apa keuntungan yang didapati daripada penjualan harta pada tahun ke 7 dan tahun-tahun berikutnya selepas ia dipindah milik, tidak akan tertakluk kepada Cukai Keuntungan Harta Tanah. Pada masa ini walaupun harta dimiliki selama lebih 6 tahun, maka cukai adalah dikenakan pada kadar 5% ke atas keuntungan daripada jualan harta tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu setuju bahawa kita mesti melindungi kepentingan sosio-ekonomi kita jika rakyat hendak menikmati faedah dari kejayaan pembangunan negara. Tambahan pula bagi menentukan supaya pertumbuhan ekonomi dapat diteruskan dan objektif-objektif DEB dapat dicapai, adalah mustahak bagi Malaysia terus berada di dalam keadaan aman dan stabil. Oleh itu, Pertahanan dan Keselamatan diperuntukkan sebanyak \$3,564 juta atau 24.4% dari Anggaran Pembangunan 1982. Sejumlah lebih kurang \$2,700 juta akan diperuntukkan bagi Pembangunan dan lebih kurang \$2,150 juta di bawah Perbelanjaan Mengurus, untuk pemodenan dan pembersaran Angkatan Tentera. Begitu juga, sebanyak \$800 juta akan disediakan bagi Pembangunan dan lebih kurang \$929 juta bagi Perbelanjaan Mengurus Pasukan Polis. Ianya diperlukan untuk memperkukuhkan keseluruhan program keselamatan dan pertahanan yang bertujuan untuk menjamin keselamatan dalam negeri dan meningkatkan persediaan kita terhadap ancaman dari luar.

Kita sentiasa mengingati bekas-bekas perajurit, khususnya mereka yang mengalami kecacatan dalam menjalankan tugas. Adalah

juga penting untuk menggunakan sepenuhnya sumber tenaga rakyat. Oleh itu, untuk menggalak pengambilan kerja orang-orang cacat, dan mengenangkan Tahun Antarabangsa Bagi Orang-orang Cacat, saya bercadang memberikan potongan dua kali bersabit dengan cukai pendapatan atas gaji yang ditanggung oleh majikan dalam pengambilan kerja orang-orang cacat. Semua kelengkapan dan alat-alat khusus untuk kegunaan orang-orang cacat akan juga dikecualikan dari duti kastam. Cukai tokok dan cukai jualan akan dihapuskan bagi kereta sorong, tangan palsu, kaki palsu, angkup atau callipers, alat bantuan pendengaran, kerusi pesakit dan mesin dialysis untuk pesakit buah-pinggang.

Selain dari meningkatkan perbelanjaan awam, Kerajaan juga akan menggalakkan sektor swasta untuk mengekalkan kadar pertumbuhan pelaburan dan pengeluaran yang tinggi. Pada masa ini, Elaun Susutan Dipercepat diberikan sehingga tahun asas 1982. Oleh kerana ini telah terbukti berfaedah kepada pihak industri dan telah dapat menggalak dan memodenkan sektor perindustrian, maka tempoh bagi Elaun itu akan dilanjutkan hingga ke tahun asas 1985. Bidangnya akan diperluas untuk meliputi bukan saja sektor perkilangan, tetapi juga lain-lain industri termasuklah industri pajakan yang menyewakan alat-alat dan jentera perindustrian. Adalah dijangka langkah baru ini akan menggalakkan lagi pelaburan dan pertumbuhan ekonomi, oleh kerana Elaun ini membenarkan 100% dari perbelanjaan modal dihapuskan dalam tempoh satu tahun.

Pemberian Kredit Cukai Pelaburan akan digunakan untuk memberi lebih banyak faedah bagi mempercepat pembangunan industri-industri berat dan industri-industri yang berkaitan dengannya. Oleh kerana kredit cukai di bawah galakan ini ialah sekurang-kurangnya 25% daripada jumlah perbelanjaan modal projek, maka industri-industri yang diutamakan, akan diberi kredit cukai pada kadar yang lebih tinggi supaya mereka mendapat pelepasan cukai dengan lebih banyak.

Satu galakan penting yang disediakan kepada industri-industri di dalam sektor

perkilangan ialah pengecualian duti import, cukai tokok dan cukai jualan ke atas pengimportan bahan-bahan mentah dan mesin. Untuk menyenangkan para pengusaha mendapat pengecualian cukai saya mencadangkan supaya:

- (a) cukai tokok ke atas berbagai-bagai jenis bahan mentah yang tidak dikeluarkan di Malaysia dan yang hanya dikenakan 5% cukai tokok akan dihapuskan. Sebaliknya cukai tokok yang telah dikurangkan kepada 2% atau 3% di bawah sistem yang ada sekarang, akan dijadikan sebahagian daripada duti import. Dengan cara ini pekilang-pekilang akan dikenakan duti pada kadar yang rendah itu dengan tidak payah membuat permohonan untuk mendapat pengecualian seperti dahulu;
- (b) Sebagai satu galakan selanjutnya, industri-industri yang mengimport bahan-bahan mentah yang dikenakan 2% atau 3% duti import boleh memohon untuk dikecualikan dari duti ini sekiranya mereka mematuhi Dasar Ekonomi Baru dari segi penyertaan ekuiti, pengurusan dan struktur gunatenaga dengan mendapat kelulusan dari Jawatankuasa Pelaburan Asing;
- (c) Selain dari itu, akan dimansuhkan juga cukai tokok dan cukai jualan yang dikenakan ke atas alat-alat kelengkapan dan mesin yang diimport kerana tidak dikeluarkan dalam negeri untuk kegunaan secara langsung oleh pekilang-pekilang dalam pengeluarannya.

Kawalan import juga akan dihapuskan bagi pengimportan mesin-mesin yang tidak dikeluarkan di negara ini. Tindakan ini akan menyenangkan industri-industri yang dahulunya terpaksa memohon permit sebelum dapat mengimport.

Sistem pulangbalik duti akan dipermudahkan bagi membolehkan industri-industri eksport menuntut balik dengan lebih cepat akan cukai-cukai yang telah dibayar ke atas bahan-bahan mentah yang diimport. Pulangbalik duti akan diberi secara automatik

asalkan pengeluar dapat membuktikan prestasi eksportnya dan dapat mengemukakan perakuan juruodit bebas tentang sebanyak mana bahan-bahan mentah itu digunakan dalam pengeluaran barang-barang yang dieksport.

## INFLASI

### *Kedudukan Kewangan*

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun segala langkah-langkah ini akan mencetuskan kadar pertumbuhan yang lebih pesat, tetapi kestabilan harga sajalah yang boleh menjamin pertumbuhan yang sebenar dan berkekalan. Kita telah dapat banyak membendung kenaikan harga walaupun terdapat inflasi yang tinggi di negara-negara perindustrian. Tunjuk Harga Pengguna di Semenanjung Malaysia dijangka naik kira-kira 9% tahun ini. Sungguhpun demikian, Kerajaan akan terus sedaya upaya menjalankan segala langkah yang praktikal untuk membendung kenaikan harga.

Kedudukan kewangan terus stabil. Sebagai satu langkah dasar, bekalan wang akan dikawal supaya bertumbuh secara sederhana agar perkembangan kewangan tidak menjadi punca memburukkan lagi keadaan inflasi. Dalam konteks dasar ini maka pertumbuhan kredit bank kepada sektor swasta akan berkurangan kira-kira 25 peratus dalam tahun 1981. Ini ialah memandangkan kadar pertumbuhan pinjaman bank terlampau tinggi dalam tahun 1980. Dan kadar ini tidak dapat dikekalkan dalam tahun 1981 tanpa meningkatkan lagi kadar inflasi. Dengan menentukan supaya kredit baru diberikan khusus untuk menambahkan pengeluaran, maka dikira sudah memadai dengan bertambahnya lagi jumlah pinjaman bank sebanyak kira-kira \$5 ribu juta dalam tahun 1981. Lagi pun, sebanyak \$5,500 juta overdraf yang diluluskan oleh bank belum digunakan lagi. Dasar kita bermaksud untuk terus mengadakan kemudahan-kemudahan kewangan kepada perusahaan-perusahaan yang boleh memberi kesan untuk segera menambah pengeluaran barang-barang dan perkhidmatan.

Kadar kos pinjaman wang dalam ekonomi terbuka seperti Malaysia akan mencerminkan

trend yang berlaku di pusat-pusat kewangan antarabangsa. Dalam keadaan dunia sekarang yang mengalami kadar faedah bank yang tinggi di mana-mana, maka hal ini sudah sewajarnya berlaku. Namun demikian, kita telah cuba berikhtiar supaya kadar-kadar faedah bank dalam negara kita tidak rendah sangat supaya dapat menggalakkan orang ramai menyimpan dalam negeri; dan tidak pula terlalu tinggi sehingga boleh menghalang bertambahnya keupayaan pengeluaran yang baru. Memang dasar kita membiarkan bank-bank menentukan kadar faedah pinjaman mereka di pasaran terbuka. Peranan Bank Negara akan terus ditumpukan untuk menguruskan mudahtunai supaya suasana pasaran kewangan akan berjalan secara teratur dan supaya keadaan mudahtunai yang ketat dapat dikendalikan. Sungguhpun kadar faedah simpanan bank telah meningkat, kita telah cuba seberapa yang boleh untuk melegakan kadar faedah pinjaman dengan menambahkan aliran wang ke dalam pasaran kewangan dari masa ke masa serta menentukan kadar-kadar faedah yang boleh dikenakan ke atas pinjaman kepada peminjam-peminjam yang diutamakan, seperti usahawan kecil Bumiputera, perusahaan-perusahaan kecil dan orang perseorangan untuk membeli rumah. Ini ialah supaya peluang mendapatkan pinjaman pada kadar faedah yang berpatutan tidak terhad kepada orang-orang kaya dan berpengaruh saja.

Memandangkan arah aliran ekonomi yang lemah di seluruh dunia dan keadaan inflasi yang berterusan, maka dasar kewangan kita dalam tahun 1982 akan terus dilaksanakan supaya mudahtunai yang mencukupi terus ujud untuk menampung kegiatan ekonomi yang produktif, terutama sekali untuk menambah daya pengeluaran yang baru di sektor yang diutamakan tanpa menambahkan kenaikan harga. Tujuan kita ialah untuk menggalakkan simpanan dan mengekalkan keadaan kewangan yang stabil, sambil memperkukuh keutuhan imbalan pembayaran luar negeri kita.

Sebagai sebahagian dari Strategi Belanjawan untuk mengawal inflasi, adalah tujuan kita untuk menggalakkan persaingan yang lebih di antara para pengeluar tempatan

dan juga pengimportan tiga kategori barang-barang. Iaitu:

- (a) barang-barang makanan terutamanya yang digunakan oleh golongan berpendapatan rendah;
- (b) barang-barang yang digunakan oleh para petani; dan
- (c) barang-barang binaan.

Adalah diharapkan dengan bertambahnya bekalan di pasaran tempatan, ini akan dapat mengurangkan kenaikan harga ke atas barang-barang tersebut.

Walaupun langkah-langkah yang dicadangkan ini akan menambahkan import, tetapi kesannya ke atas Imbangan Pembayaran adalah sedikit. Untuk mencapai tujuan ini, beberapa langkah cukai dan pentadbiran akan diadakan. Ini termasuklah pemansuhan duti import, cukai tokok dan cukai jualan untuk membolehkan barang-barang ini diimport tanpa dikenakan cukai dan menurunkan kadar perlindungan tarif ke atas barang-barang tersebut. Bagi beberapa jenis barang maka perlindungan tarif dikurangkan dengan merendahkan duti import atau memansuhkan cukai tokok saja, tetapi duti import dikekalkan. Barang-barang yang dikenakan ialah barang-barang yang dikeluarkan di negara ini yang masih memerlukan perlindungan tarif dalam persaingan dengan barang-barang yang diimport. Sekatan-sekatan import juga dikaji semula dengan tujuan memudahkan lagi pengimportan supaya dapat menambahkan lagi bekalan di pasaran tempatan. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya dihapuskan sekatan import ini, tetapi jika penghapusan sekatan ini akan memberi kesan yang buruk kepada industri tempatan, duti import akan dikenakan bagi menggantikan sekatan import yang dihapuskan itu.

Perubahan-perubahan ke atas duti import, cukai tokok, cukai jualan dan sekatan import yang dicadangkan adalah melibatkan kira-kira 150 jenis barang. Sebahagian dari barang-barang itu ialah:

- (a) Di bawah kategori barang-barang makanan termasuklah sayur-sayuran, rempah kari, sos tomato, serikaya dan

jem, susu tepung, barang-barang daging termasuk daging lembu dan daging kambing, udang besar, udang kecil dan sotong yang dibungkus atau di dalam tin;

- (b) Mengenai barang-barang kegunaan para petani, duti-duti ke atas berbagai input pertanian, mesin dan alat-alat lain, akan dihapuskan atau dikurangkan atau kawalan import tidak dikenakan. Ini termasuklah baja-baja yang tidak dikeluarkan di negara ini, racun serangga, racun cendawan, alat-alat pertanian, termasuk cangkul, traktor-tractor tolak, bajak, mesin-mesin menuai dan membanting padi, sangkar-sangkar ayam itek, bahan-bahan untuk membuat makanan haiwan dan injin diesel untuk para nelayan;
- (c) Duti import dan cukai tokok ke atas barang-barang binaan penting seperti besi dan keluli bulat, simen, kepingan atap, paip-paip simen, tail untuk lantai dan dinding, batu marmar dan veneer akan dihapuskan atau dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, atas sebab-sebab yang sama, duti-duti eksais ke atas 12 jenis barang-barang pengguna yang dikeluarkan di dalam negeri akan juga dihapuskan dan duti import ke atas barang-barang ini akan dikurangkan untuk menggalakkan persaingan antara pekilang-pekilang tempatan dalam pengeluaran barang-barang ini. Barang-barang itu termasuklah simen, periuk nasi letrik, dapur gas, seterika letrik, cerek letrik, lampu letrik, kipas angin, tilam dan sabun. (Ketawa).

Adalah dijangkakan, apabila import menjadi lebih mudah dan bekalan tempatan makin bertambah melalui pengeluaran tempatan, ini akan membolehkan pihak Kerajaan menghadkan kawalan harga hanya kepada barang-barang pengguna yang mustahak saja.

#### *Subsidi*

Faktor utama untuk menahan kenaikan harga barang-barang yang mustahak ialah menambahkan bekalan. Dari segi jangka

pendek, maka pemberian subsidi adalah merupakan galakan untuk meningkatkan penghasilan. Kerajaan akan terus menyediakan peruntukan subsidi yang mencukupi bagi menambahkan hasil pengeluaran dan untuk mengurangkan kesan-kesan buruk inflasi ke atas golongan-golongan miskin dan yang berpendapatan rendah. Oleh hal yang demikian, subsidi berjumlah lebih kurang \$1,327 juta adalah diperuntukkan dalam Belanjawan 1982, meliputi kedua-dua Anggaran Belanja Mengurus dan Pembangunan. Ianya meliputi satu rangkaian subsidi yang memberi faedah kepada hampir keseluruhan golongan miskin dan berpendapatan rendah. Subsidi ini telah disediakan dalam Belanjawan-belanjawan yang lepas dan akan terus diberi untuk bidang-bidang pertanian, pengangkutan, elektrik, termasuk kredit-kredit cukai bagi hasil tanaman makanan dan sayur-sayuran, ikan, ternakan dan keluaran tenusu. Subsidi yang paling besar ialah untuk petroliaam dan bahan-bahan yang berkaitan termasuk disel dan minyak tanah yang berjumlah sebanyak \$750 juta. Penanam-penanam padi akan mendapat faedah dari subsidi harga pembelian padi berjumlah \$220 juta, sementara petani-petani lain akan mendapat faedah dari subsidi input pertanian berjumlah \$130 juta dan subsidi tanaman semula getah bagi pekebun-pekebun kecil sebanyak \$38 juta.

Perlu saya tegaskan bahawa subsidi yang besar jumlahnya ini adalah diberi setiap tahun dan tidak dapat diperbesar 'banyak sangat dan sudah tentu tidak dapat diteruskan selama-lamanya. Masanya akan tiba jua manakala subsidi-subsidi ini terpaksa dikurangkan.

### *Simpanan Wang*

Kerajaan sebaliknya ingin meninggikan daya pengeluaran dan menambah simpanan umum, dan menyalurkan lebih banyak sumber-sumber kekayaan negara kepada laburan yang lebih produktif. Memang menjadi resmi rakyat menyimpan sebahagian besar dari pendapatan mereka. Amalan yang terpuji ini membantu menentang inflasi dan patut digalakkan. Dalam pada itu, simpanan mereka yang bertambah, meningkatkan

keupayaan sistem bank untuk memberi pinjaman kepada aktiviti yang produktif.

Untuk menggalak simpanan dalam negeri, adalah dicadangkan untuk mengubahsuaikan galakan cukai yang ada sekarang supaya orang-orang lebih berminat menyimpan dengan institusi-institusi di Malaysia. Oleh itu semua faedah yang didapati daripada simpanan tabungan dengan Bank Simpanan Nasional tidak kira berapa jumlahnya akan dikecualikan daripada cukai pendapatan. Faedah yang diperlehi daripada simpanan-simpanan tabungan sehingga \$10,000 yang dibuat oleh orang perseorangan dengan koperasi-koperasi, Bank Pertanian, Tabung Haji dan Malaysia Building Society Bhd., akan terus dikecualikan daripada cukai pendapatan. Bagaimanapun, faedah yang diperolehi oleh orang perseorangan daripada simpanan tabungan dengan bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan lain hanya akan dikecualikan dari cukai pendapatan atas simpanan tabungan sehingga \$1,000 dan tidak lagi \$10,000.

Selain dari itu, adalah dicadangkan supaya pengecualian cukai diberikan ke atas faedah semua simpanan tetap yang tidak dihadkan jumlahnya, dan yang kematangannya melebihi 12 bulan, termasuk simpanan sijil-sijil yang boleh diniagakan yang dibuat oleh orang perseorangan dengan bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan.

Dalam sesebuah ekonomi terbuka yang berkembang pesat seperti Malaysia, pinjaman dari luar negeri adalah perlu bagi membantu menampung keperluan kewangan untuk berbagai-bagai usaha supaya dapat meningkatkan daya pengeluaran ekonomi kita dan juga untuk membiayai pembelian harta di Malaysia yang dipunyai oleh bukan pemastautin. Pada masa ini syarikat-syarikat yang memerlukan matawang asing bagi tujuan-tujuan ini meminjam terus daripada institusi-institusi kewangan di luar Malaysia. Untuk menggalakkan pinjaman semacam ini diperolehi daripada bank-bank perdagangan dan bank-bank saudagar di Malaysia dan bagi membantu perkembangan kepakaran dalam urusan bank di sini, saya mencadangkan supaya bank-bank perdagangan dan bank-bank saudagar yang menjalankan

perniagaannya di Malaysia memberi pinjaman dan mengadakan pinjaman secara kumpulan (syndicated loans) dalam matawang asing kepada pemastautin di Malaysia. Bank-bank ini juga akan digalakkan untuk mendapat pinjaman asing, termasuk menerima simpanan dalam matawang asing daripada bukan pemastautin, untuk memenuhi keperluan kewangan mereka.

Sebagai satu galakan dan bagi mengurangkan kos pinjaman asing mereka, maka bank-bank akan dikecualikan daripada cukai pegangan sebanyak 15% ke atas faedah yang dibayar kepada semua bukan pemastautin. Pada masa ini, pengecualian hanyalah diberikan apabila pinjaman diperolehi daripada bank-bank seberang laut. Dengan meluaskan pengecualian ke atas faedah yang dibayar kepada semua bukan pemastautin, ini akan menambahkan sumber-sumber wang asing bagi bank-bank di Malaysia dan menggalakkan mereka memainkan peranan yang lebih besar dalam membiayai pembangunan negara kita.

### *Imbangan Pembayaran*

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana diduga, harga barangan eksport yang semakin rendah dan harga barang import yang semakin naik telah banyak melemahkan akaun dagangan kita, yang dijangka akan mengalami kurangan sebanyak kira-kira \$127 juta tahun ini. Akaun semasa imbalan pembayaran akan merosot kerana kita sentiasa kena membuat pembayaran yang tinggi di bidang import tak-ketara, yang kebanyakannya terdiri dari tambang dan insuran, pendapatan pelaburan yang dibayar ke luar negeri dan perbelanjaan pengembaraan. Jadi, kurangan akaun semasa kita dijangka berjumlah kira-kira \$5,578 juta dalam tahun 1981. Mujurlah, banyak dari kurangan ini dijangka dapat diatasi dengan kemasukan modal jangka panjang rasmi dan swasta dari luar negeri. Jadi simpanan antarabangsa kita tidaklah banyak sangat berkurangnya bagi keseluruhan tahun 1981 ini. Meskipun kita mengalami kesukaran dalam tahun ini, simpanan bayaran luar negeri kita akan terus dikekalkan di tahap yang agak melegakan,

iaitu kira-kira \$10.1 ribu juta pada akhir tahun 1981. Ini akan membolehkan kita membiayai import selama kira-kira empat-bulan-setengah atas harga semasa.

Walaupun terdapat kurangan dalam imbalan pembayaran dalam tahun ini dan mungkin juga dalam tahun 1982, disebabkan lembabnya aktiviti ekonomi dunia, Kerajaan bertanggungjawab untuk mengubah keadaan ini dengan langkah-langkah yang positif. Kesannya tidak dapat dinikmati dengan segera, tetapi kebanyakan dari langkah-langkah yang akan diambil akan membawa manfaat ke atas imbalan pembayaran kita di sepanjang dekad 1980an.

Menjelang tahun 1983, dengan pelancaran eksport Gas Cecair Asli atau LNG dan dengan pulihnya semula permintaan antarabangsa terhadap barangan utama kita, maka keadaan akan nyata bertambah baik dalam kurangan akaun semasa. Bolehlah kita berharap yang imbalan pembayaran pada keseluruhannya akan menunjukkan lebih yang sederhana bagi seluruh tahun 1983. Selepas tahun 1983, dengan bertambahnya keluaran LNG dan semakin pesatnya eksport maka imbalan pembayaran akan bertambah nyata kukuhnya, selaras dengan kemajuan ekonomi dunia. Oleh itu kita berasa yakin yang kedudukan imbalan pembayaran kita akan bertambah baik.

Keyakinan kita mencapai kemajuan sederhana ini banyak terbayang dalam prestasi kadar pertukaran wang kita. Walaupun terdapat kurangan imbalan pembayaran semasa yang besar dalam tahun 1981, pada hujung bulan September 1981, nilai ringgit telah naik sebanyak 27.2% terhadap pound sterling semenjak awal tahun ini, 12:5 peratus terhadap mark Jerman, 9.1 peratus terhadap yen Jepun dan 6.1 peratus terhadap franc Switzerland. Walau bagaimanapun, ringgit telah turun nilai terhadap dollar Amerika Syarikat dan Singapura masing-masing sebanyak 4.5 peratus dan 3.5 peratus dalam tempoh yang sama. Pada keseluruhannya, ringgit telah muncul kukuh dengan sederhana terhadap sekelompok matawang dunia. Ini terutama sekali mencerminkan keyakinan masyarakat dan para pelabur terhadap

keutuhan kedudukan pembayaran luar negeri kita dan kestabilan ekonomi Malaysia pada amnya.

Kerajaan berazam untuk memperbaiki Imbangan Pembayaran terutamanya mengenai akaun perkhidmatan. Itulah sebabnya Majlis Perdagangan Tak-Ketara Malaysia telah ditubuhkan tahun lepas. Laporan awal telahpun disediakan dan beberapa syor-syor daripadanya dimasukkan dalam Belanjawan ini.

#### *Pembiayaan Semula Eksport*

Kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Bank Negara untuk Pembiayaan Semula Eksport adalah satu langkah kewangan tambahan untuk membantu perkembangan industri-industri eksport. Kemudahan-kemudahan ini sudahpun dikaji semula untuk memperkukuhkan lagi imbangan pembayaran negara kita. Perubahan-perubahan ini akan dilaksanakan mulai 27 haribulan Oktober ini untuk membantu hanya industri-industri yang membolehkan negara ini mempunyai daya persaingan yang lebih dan yang memerlukan bantuan kredit, khususnya untuk menembusi pasaran-pasaran bukan-tradisional di luar negeri. Untuk mencapai tujuan ini:

- (a) Kemudahan kredit selepas pengeksportan akan diadakan bagi membantu eksport oleh industri-industri yang berasaskan bahan-bahan mentah dalam negeri, dan juga lain-lain keluaran yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dalam negeri, yang sekarang giat digalakkan oleh Kerajaan. Komponen-komponen dan alat-alat letronik tidak lagi layak menerima kemudahan ini;
- (b) Kemudahan kredit sebelum pengeksportan akan kekal sebagai satu kemudahan tambahan. Bank Negara akan memberi pertimbangan untuk menambah senarai barang-barang eksport yang layak menerima bantuan ini untuk meliputi keluaran-keluaran dari lain-lain industri yang mengalami kesulitan dari halangan-halangan lindungan industri di luar negeri, dari keadaan pasaran luar negeri yang

merosot dan dari kesukaran untuk memasuki pasaran-pasaran baru; dan

- (c) Kadar-kadar faedah yang dikenakan secara konsesi atau istimewa akan kekal sepertimana sekarang. Sungguhpun pengeksport-engeksport yang layak akan terus dapat menikmati kemudahan istimewa ini, tetapi kadar faedah sebenar yang akan dikenakan adalah mencerminkan kos pinjaman yang dikenakan dalam pasaran.

#### *Perkapalan*

Bagi membantu memperkembangkan industri perkapalan kita dan mengurangkan matawang asing yang dibayar untuk tambang kapal asing, galakan cukai 1979 bagi industri perkapalan akan digantikan dengan satu skim galakan yang baru untuk menjadikannya lebih menarik bagi pemilik-pemilik syarikat kapal di Malaysia. Adalah dicadangkan sekarang supaya pengecualian cukai pendapatan diberi kepada syarikat-syarikat perkapalan Malaysia untuk tempoh 24 tahun mulai dari tahun taksiran 1982 atau tarikh mula syarikat didaftar, mana yang kemudian. Syarikat-syarikat dikehendaki memenuhi dua syarat iaitu:

- (a) mereka tidak boleh mengisytihar lebih dari 15% dividen dan dividen ini dikecualikan daripada cukai;
- (b) mereka mesti menggunakan sekurang-kurangnya 75% dari kumpulanwang cadangan untuk membeli kapal-kapal.

Bagi 12 tahun yang pertama syarikat-syarikat tersebut layak untuk mendapat pengecualian cukai pendapatan yang penuh. Bagi 12 tahun yang berikutnya syarikat-syarikat tersebut layak untuk mendapat 50% pengurangan dari pendapatan yang dikenakan cukai, kalau mereka memenuhi kedua-dua syarat yang ditetapkan ini.

Sebagai langkah tambahan bagi mengurangkan bayaran pertukaran wang asing kepada perkhidmatan-perkhidmatan laut dan udara asing, MAS dan MISC akan digalakkan memperkembang perkhidmatan masing-masing. Lebih banyak lagi kapal terbang dan kapal laut akan dibeli. Mengenai MAS, Kerajaan akan menjamin pinjaman MAS sebanyak 240 juta dollar

Amerika tahun ini dan sebanyak 225 juta dollar Amerika untuk membeli kapal-kapal terbang dalam tempoh 3 tahun yang akan datang. Begitu juga, Kerajaan akan menjamin pinjaman MISC sebanyak 190 juta dollar Amerika tahun ini dan sebanyak 85 juta dollar Amerika lagi untuk menambah kapal-kapalnya. Adalah diharapkan syarikat-syarikat perkapalan swasta akan juga dapat berkembang untuk memenuhi keperluan ekonomi kita yang sedang bertumbuh, terutama sekali dengan adanya galakan-galakan cukai baru yang dicadangkan dalam Belanjawan ini.

### *Insuran*

Satu bidang lain di mana pertukaran wang asing boleh dijamin ialah insuran. Semakin ekonomi Malaysia berkembang, sektor perkhidmatan dan Imbangan Pembayaran juga turut berkembang. Dari itu kadar cukai istimewa yang diberi kepada insuran semula ke dalam negeri menerusi Belanjawan 1980 akan diluaskan lagi untuk meliputi syarikat insuran yang memberi perlindungan insuran bagi risiko perniagaan seberang laut. Ini adalah sebagai langkah menggalakkan lagi mereka menceburi pasaran insuran antarabangsa. Dari itu kadar cukai atas keuntungan yang diperolehi oleh syarikat-syarikat yang ditubuhkan di Malaysia hasil perniagaan insuran mereka yang meliputi risiko perniagaan seberang laut akan dikurangkan dari 40% kepada 5%.

Para pengimport Malaysia adalah juga digalakkan supaya membeli polisi insuran daripada syarikat-syarikat insuran Malaysia. Bagi mencapai tujuan ini adalah dicadangkan supaya diberi galakan dalam bentuk potongan dua kali bersabit dengan cukai pendapatan bagi perbelanjaan-perbelanjaan insuran atas kargo.

### *Prospek bagi tahun 1982*

Tuan Yang di-Pertua, tinjauan yang terbaharu menunjukkan bahawa ekonomi negara-negara perindustrian atau OECD dijangka baik sedikit dalam tahun 1982 dengan pertumbuhan sebenar sebanyak 2% pada keseluruhannya. Strategi Belanjawan 1982 akan memberi tenaga pendorong kepada ekonomi Malaysia untuk

mengekalkan pertumbuhannya dan pertumbuhan ini akan meningkat lebih cepat apabila harga-harga barangan bertambah baik. Belanjawan ini, bersama-sama dengan kesanggupan sektor swasta mengembang daya pengeluarannya dan menambahkan peluang-peluang pekerjaan, dijangka akan membolehkan pertumbuhan ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 7.2% dalam tahun 1982, dan harga pengguna dalam negeri dianggarkan berada di paras sederhana terutamanya dengan penurunan kadar inflasi di negara-negara perindustrian.

Dengan kemantapan pertumbuhan ekonomi Malaysia ini maka Belanjawan Kerajaan Persekutuan dijangka terus kukuh dengan anggaran lebihan bersih dalam Akaun Semasa sebanyak \$178 juta dalam tahun 1982 selepas cadangan-cadangan perubahan cukai diambilkira.

### *Penutup*

Tuan Yang di-Pertua, Strategi Belanjawan bagi tahun 1982 akan terus menggalakkan pertumbuhan ekonomi, membasmi kemiskinan dan membendung inflasi. Langkah-langkah positif akan juga dijalankan untuk memperkukuh kedudukan imbangan pembayaran kita.

Ekonomi kita sedang menempuh kesulitan. Tetapi saya berikrar bahawa Kerajaan akan menggunakan segala kuasa yang ada padanya untuk menjamin supaya ekonomi Malaysia terus berkembang untuk mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Di masa-masa lampau, di saat membentangkan Belanjawan negara, saya selalu menyeru dan menggesa seluruh rakyat dan negara supaya menyatukan tekad dan hasrat mereka dengan tekad dan hasrat Kerajaan, dengan usaha-usaha Kerajaan untuk mencapai tujuan-tujuan Strategi Belanjawan dan matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru. Hari ini, lebih-lebih lagi daripada masa yang lampau, tanahair kita memerlukan bantuan setiap rakyat, memerlukan sokongan setiap rakyat, dan memerlukan penglibatan sepenuh-penuhnya dari sekalian rakyat Malaysia yang dicintai ini. Ini ialah oleh kerana pada pertama kalinya sejak beberapa tahun hidup di dalam

kemewahan, kita mengalami kemerosotan dalamimbangan perdagangan negara kita. Dan bagi ekonomi kita yang banyak bergantung kepada telatah perdagangan dunia, maka perkembangan-perkembangan ini adalah merupakan masalah kepada Kerajaan dan juga kepada rakyat seluruhnya. Kita semua, Kerajaan dan rakyat mestilah menghadapi masalah ini dengan sebulat hati dan sebulat tenaga.

Belanjawan tahun 1982 ini menyediakan berbagai-bagai galakan baru dan membukakan berbagai-bagai peluang baru untuk rakyat dan Kerajaan bekerjasama melipatgandakan ikhtiar di dalam perjuangan yang tidak kunjung putus supaya seluruh rakyat dapat menikmati kualiti hidup yang lebih tinggi dan lebih selesa. Di dalam perjuangan ini, nyatalah tidak memadai dengan bergantung kepada ikhtiar dan usaha Kerajaan semata-mata. Seluruh tenaga rakyat dan negara adalah dikehendaki untuk menghadapi dan mengatasi segala macam cabaran, baik yang sudah diketahui maupun yang belum diketahui, yang menentang kita di masa hadapan.

Badan-badan perniagaan besar dan kecil, badan-badan perindustrian, saudagar-saudagar runcit, para pekerja di bandar, para pekerja di estet, para petani dan nelayan di luar bandar, kesatuan sekerja, para pengurus syarikat, pembentuk dan pelaksana dasar-dasar kerajaan, dan tidak kurang pentingnya, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di dalam Dewan yang mulia ini—tiap-tiap seorang dari kita ada tugas dan tanggungjawab tertentu untuk menjamin supaya Strateji Belanjawan tahun 1982 ini mencapai matlamat-matlamatnya.

Langkah-langkah yang saya bantangkan di dalam Belanjawan ini adalah merupakan program bertindak untuk membolehkan negara kita mencapai kemajuan selangkah lagi ke hadapan. Masalah-masalah yang saya kemukakan adalah masalah-masalah yang menyentuh kehidupan kita semua. Dan masalah-masalah ini hendaklah diterima dan diakui sebagai masalah-masalah bersama kita semua. Hakikat ini hendaklah diinsafi oleh kita semua. Dengan keinsafan ini maka dapatlah kita bangun bertindak sebulat hati dan tenaga untuk menentang sebarang

cabaran. Dengan demikian masa depan kita akan bertambah cerah. Dan tahun 1982 mungkin tercatat sebagai satu lagi tahun yang membawa keselesaan kepada Malaysia dan rakyatnya, Insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan (*Tepuk*).

**Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1982

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul di atas nama saya berkenaan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, 1982 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulan wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$14,631,547,375 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1982, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1982 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 tahun 1981, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut.

**Dato' Lee San Choon:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 66 (2) perbahasan di atas masalah Undang-undang Perbekalan, 1982 dan Usul Anggaran Pembangunan ini hendaklah ditangguhkan selama tidak kurang daripada 2 hari daripada masa ia dicadangkan. Oleh yang demikian, saya telah menetapkan bahawa perbahasan di atas kedua-dua

masalah ini dimulakan pada hari Selasa, 27hb Oktober, 1981.

Dewan sekarang ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Selasa, 27hb Oktober, 1981.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.20 petang.*

#### LAMPIRAN I

#### I. PENGECCUALIAN DUTI EKSPORT KE ATAS MINYAK KELAPA SAWIT DIPROSES DAN DUTI EKSPORT KE ATAS STEARIN DAN MINYAK ISI KELAPA SAWIT.

##### *Kedudukan sekarang dan tujuan*

Pengeccualian daripada duti eksport atas minyak sawit yang ditapis adalah diberi untuk menggalakkan perusahaan memproses dan mengeksport keluaran akhir kelapa sawit yang ditapis dan siap. Tingkat pengeccualian cukai seperti yang ditunjukkan dalam jadual yang disediakan adalah disusun dengan tujuan memberi pengeccualian yang lebih progresif untuk tiap-tiap peringkat pemerosesan yang lebih tinggi, dengan peringkat terakhir, iaitu keluaran-keluaran siap dikeccualikan penuh selaras dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan pemerosesan selanjutnya dalam perusahaan menapis minyak kelapa sawit. Sebagai galakan tambahan, satu sekil pengeccualian duti eksport yang progresif juga diberi kepada perusahaan tersebut bagi mana-mana perbezaan harga minyak sawit diproses dan mentah yang terdapat di pasaran. Walaupun struktur pengeccualian duti sekarang yang telah diperkenalkan dalam tahun 1978 adalah berkesan dalam menggalakkan penapisan dan eksport minyak sawit diproses, perubahan-perubahan adalah perlu bagi mengambilkira perkara-perkara berikut:

- (i) Kenaikan kos di dalam industri menapis.
- (ii) Pilihan keluaran yang banyak untuk pasaran eksport.
- (iii) Untuk menyediakan satu perkiraan

permulaan yang lebih mudah bagi mengira perbezaan diantara harga minyak yang telah diproses dan juga minyak yang mentah.

- (iv) Perlunya ada cukai eksport ke atas stearin yang selari dengan dasar-dasar pemberian pengeccualian cukai penuh ke atas keluaran-keluaran yang ditapis.

##### *Cadangan*

2. *Minyak kelapa sawit yang telah diproses.* Struktur pengeccualian cukai bagi beberapa peringkat pemerosesan patut diubah kepada struktur yang baru seperti yang ditunjukkan di dalam jadual. Perubahan-perubahannya adalah seperti berikut:

- (i) Had kadar di mana cukai tidak dikenakan, akan ditingkatkan daripada \$74.7999 kepada \$95. Setelah mengambil kira kenaikan kos penapisan.
- (ii) Keluaran minyak kelapa sawit yang diproses telah diperjeniskan daripada 4 kategori kepada 5 kategori untuk memperkenalkan kategori baru minyak kelapa sawit "Refined, Bleached" dan "Deodorised" yang telah mengalami tingkat pemerosesan yang lebih tinggi. Dengan pengenalan kategori baru IIIA iaitu minyak kelapa sawit yang telah mengalami 3 peringkat pemerosesan, maka sedikit pindaan perlu dibuat pada kadar-kadar pengeccualian di kategori II (2 tingkat pemerosesan) dan kategori III (3 tingkat pemerosesan). Kadar bagi kategori I dan IV (keluaran siap) tidak berubah.
- (iii) Secara purata kesan-kesan perubahan ini akan memberi tambahan pengeccualian sebanyak \$20 se ton daripada cukai eksport ke atas keluaran minyak kelapa sawit.

Paras duti	Kadar Pengeccualian				
	Kategori I	Kategori II	Kategori III	Kategori IIIA	Kategori IV
\$95 & kurang .. ..	100	100	100	100	100
\$95—\$200 .. ..	50	60	65	70	100
\$200—\$365 .. ..	35	45	50	55	100
\$365 & selebihnya ..	20	30	35	40	100

## PENGIRAAN PENGECUALIAN

## Kategori I

Duti Eksport	Pengecualian
\$95 dan kurang	100%
\$95-\$200	0.5 (Dp-95) + 95 + .35 (Dp-Dc)
\$200-\$365	0.35 (Dp-200) + 147.5 + .35 (Dp-Dc)
\$365 dan selebihnya	0.2 (Dp-365) + 205.25 + .35 (Dp-Dc)

## Kategori II

Duti Eksport	Pengecualian
\$95 dan kurang	100%
\$95-\$200	0.6 (Dp-95) + 95 + .35 (Dp-Dc)
\$200-\$365	0.45 (Dp-200) + 158 + .35 (Dp-Dc)
\$365 dan selebihnya	0.3 (Dp-365) + 232.25 + .35 (Dp-Dc)

## Kategori III

Duti Eksport	Pengecualian
\$95 dan kurang	100%
\$95-\$200	0.65 (Dp-95) + 95 + .35 (Dp-Dc)
\$365 dan selebihnya	0.35 (Dp-365) + 245.75 + .35 (Dp-Dc)

## Kategori IIIA

Duti Eksport	Pengecualian
\$95 dan kurang	100%
\$95-\$200	0.7 (Dp-95) + 95 + .35 (Dp-Dc)
\$200-\$365	0.55 (Dp-200) + 168.5 + .35 (Dp-Dc)
\$365 dan selebihnya	0.4 (Dp-365) + 259.25 + .35 (Dp-Dc)

Dp = Duti atas kelapa sawit yang diproses.

Dc = Duti atas kelapa sawit mentah.

3. *Perbezaan harga.* Pengalaman telah menunjukkan bahawa industri tersebut menikmati tingkat pengecualian duti sebanyak lebih kurang 35% bagi sebarang perbezaan antara harga minyak sawit yang diproses dan minyak sawit mentah. Dalam hal ini adalah dicadangkan pengecualian sekali sebanyak 35% digunakan untuk menggantikan sekil progresif yang ada bagi memudahkan pentadbiran.

4. *Stearin.* Pada masa sekarang, keluaran ini adalah tertakluk kepada kadar mendarat sebanyak 5% duti eksport, ia dianggap tidak

selaras dengan dasar untuk memberikan pengecualian sepenuhnya ke atas keluaran yang ditapis sepenuhnya. Dalam hal ini, duti eksport ke atas stearin pada masa ini dikaji semula seperti berikut:

(a) "Refined, Bleached" dan "Deodorised" stearin (ditapis sepenuhnya)—  
Tiada duti eksport.

(b) Lain-lain (mentah dan separa tapis)—  
5% duti eksport.

5. *Minyak isi kelapa sawit.* Duti eksport pada masa ini sebanyak 5% akan dikekalkan bagi kedua-dua minyak isi kelapa sawit yang ditapis dan mentah.

## LAMPIRAN II

## II. BANTUAN BAGI ORANG-ORANG CACAT

Alat kelengkapan dan perkakas bagi orang-orang cacat boleh dibahagikan kepada yang dibuat khusus untuk mereka dan yang am, yang mana boleh disesuaikan untuk kegunaan orang-orang cacat. Pada masa ini hanya alat kelengkapan dan perkakas-perkakas yang diimport oleh persatuan-persatuan orang-orang cacat yang diiktiraf dikecualikan daripada cukai tokok. Pengimportan oleh individu persendirian, walaupun untuk kelengkapan dan alat-alat khusus bagi orang-orang cacat adalah tertakluk kepada duti. Oleh itu ada alasan untuk mengecualikan semua kelengkapan dan alat-alat khusus kegunaan orang-orang cacat.

## Cadangan

2. Adalah dicadangkan supaya cukai tokok dan cukai jualan ke atas kelengkapan berikut bagi orang-orang cacat dimansuhkan.

- (1) kereta sorong
- (2) tangan palsu
- (3) kaki palsu
- (4) angkup atau callipers
- (5) alat bantuan pendengaran
- (6) kereta pesakit dan
- (7) Mesin penyakit buah pinggang.

Pengimportan kelengkapan dan alat-alat bentuk umum akan terus dikecualikan dari cukai tokok dan cukai jualan apabila diimport melalui persatuan-persatuan orang-orang cacat yang diiktiraf.

### LAMPIRAN III

#### III. GALAKAN CUKAI BAGI MENGAMBIL BEKERJA ORANG-ORANG CACAT

Pada masa sekarang pembayar cukai menikmati pelepasan cukai \$400 bagi tanggungan yang dibuat ke atas anak-anak yang cacat anggota atau cacat akal dan tidak ada had yang ditetapkan bagi bilangan anak-anak yang layak untuk mendapat pelepasan tersebut. Bagaimanapun, tidak ada peruntukan dalam undang-undang cukai pendapatan yang memberi galakan untuk mengambil bekerja orang-orang cacat.

#### Cadangan

2. Adalah dicadangkan supaya mana-mana majikan yang mengambil orang-orang cacat bekerja dengannya akan layak mendapat potongan dua kali bagi maksud cukai pendapatan ke atas kos penanggungannya orang cacat itu.
3. Cadangan ini akan berkuatkuasa daripada tahun taksiran 1982.

### LAMPIRAN IV

#### IV. LANJUTAN ELAUN SUSUTAN DIPERCEPAT KEPADA SEMUA INDUSTRI

Elaun ini telah diperkenalkan sebagai satu galakan bagi sektor swasta untuk menambah pelaburan dan meninggikan keupayaan pengeluaran mereka melalui pembelian loji dan mesin baru yang digunakan dalam proses pengeluaran. Bagaimanapun, pada masa ini elaun itu hanyalah dinikmati oleh industri-industri pengeluaran dan pemerosesan. Tempohnya hanyalah sehingga tahun 1982.

2. Elaun ini adalah dalam bentuk elaun permulaan 20% dan elaun tahunan 80% bagi perbelanjaan modal yang dibuat ke atas loji dan mesin. Ini membolehkan pengilang menuntut kos perbelanjaan yang penuh ke

atas alat-alat kelengkapan bagi potongan cukai. Dengan itu elaun tersebut dapat menjimat kos sebenar dan patutlah dilanjutkan kepada semua industri termasuk industri pajakan.

#### Cadangan

3. Adalah dicadangkan elaun ini dilanjutkan bagi merangkumi semua industri dan tempohnya dilanjutkan sehingga akhir Rancangan Malaysia Keempat (sehingga dan termasuk tahun taksiran 1986).

### LAMPIRAN V

#### V. BAYARAN PENGANGKUTAN JALAN

Bayaran pengangkutan jalan masih belum dikaji semenjak tahun 1970. Adalah dirasakan bahawa masanya telah tiba untuk menyemak semula bayaran-bayaran ini supaya sesuai dengan keadaan sekarang.

#### Cadangan

2. Adalah dicadangkan bayaran-bayaran pengangkutan jalan yang berikut dikaji seperti berikut:

	Kadar	
	Semasa	Cadangan
1. Bayaran pendaftaran pertama untuk kereta motor selain dari kereta orang cacat, basikal bermotor atau kenderaan beroda tiga yang bermotor	\$30	\$60
2. Bayaran pindahmilik kereta motor selain dari kereta orang cacat, basikal bermotor atau kenderaan beroda tiga yang bermotor.	\$20	\$40
3. Bayaran lesen memandu antarabangsa.	\$30	\$60
4. Bayaran mengeluarkan lesen salinan.	\$ 5	\$20

### LAMPIRAN VI

#### VI. KEMUDAHAN ALIRAN PENUMPANG-PENUMPANG MELALUI PUSAT PEMERIKSAAN KASTAM

Adalah perlu untuk menyelaraskan peraturan-peraturan pemeriksaan bagi memudahkan kemasukan penumpang-

penumpang dari luar negeri melalui pusat-pusat pemeriksaan.

*Cadangan:*

2. Adalah dicadangkan:

2.1 penumpang-penumpang dikecualikan daripada duti import, cukai tokok dan cukai jualan ke atas barang-barang berikut;

- (a) tembakau tidak melebihi 225 gram (bersamaan dengan 200 batang rokok);
- (b) mancis tidak melebihi 100 batang;
- (c) alat-alat solek, minyak wangi, sabun dan ubat gigi, dalam bekas-bekas terbuka sehingga jumlah nilai tidak melebihi \$200;
- (d) pakaian tidak melebihi 3 helai;
- (e) kasut tidak melebihi sepasang;
- (f) perkakas-perkakas elektrik dan yang menggunakan bateri untuk kegunaan persendirian dan keperluan kesihatan tidak melebihi 1 unit tiap-tiap satu;
- (g) barang-barang makanan yang bercukai sehingga jumlah nilai tidak melebihi \$75;
- (h) cenderamata dan hadiah sehingga nilai tidak melebihi \$200;

Untuk menikmati pengecualian tersebut, bagi seorang pelancung, ia mestilah berada di Malaysia sekurang-kurangnya 72 jam manakala bagi seorang rakyat Malaysia yang pulang dari luar negeri, ia mestilah berada disana untuk tempoh yang sama. Di samping itu, barang-barang tersebut mestilah kepunyaan pelancung atau rakyat Malaysia berkenaan dan untuk kegunaan sendiri.

2.2 duti sebanyak 60% dikenakan ke atas semua barang-barang bercukai melainkan kenderaan bermotor dan rokok yang dibawa masuk oleh penumpang-penumpang;

2.3 "lorong-lorong hijau" diadakan bagi penumpang-penumpang yang tidak mempunyai apa-apa barang untuk diikrar (akan dilaksanakan kemudian);

2.4 semua penumpang-penumpang melalui udara dikehendaki mengikrar semua barang-barang bercukai (akan dilaksanakan kemudian).

LAMPIRAN VII

VII. MENGGALAKKAN PERKEMBANGAN PER-NIAGAAN RUNCIT

Sekarang ini barang-barang pelancungan yang popular seperti kamera, jam tangan, pen dan pemetik api dikenakan duti import diantara 10 hingga 25%, cukai tokok sebanyak 5% dan juga cukai jualan 5%. Cukai-cukai ini merupakan pertambahan kos bagi peniaga-peniaga dan ini bermakna harga barang-barang ini lebih tinggi berbanding dengan harga-harga di kawasan-kawasan yang tidak bercukai. Dengan ini pelancung-pelancung tidak berminat untuk membeli barang-barang ini. Adalah dijangka jika duti ke atas barang-barang itu dihapuskan, peniaga-peniaga kita dapat menawar harga-harga yang lebih menarik bagi barang-barang ini dan seterusnya menggalakkan perkembangan perniagaan-perniagaan runcit bagi barang-barang ini.

*Cadangan*

2. Adalah dicadangkan supaya duti import, cukai tokok dan cukai jualan ke atas kamera, jam tangan, dan pemetik api dimansuhkan.

LAMPIRAN VIII

VIII. PINDAAN KEPADA GALAKAN HOTEL: AKTA GALAKAN PELABURAN 1968

Satu kajian yang baru dibuat oleh Perbadanan Kemajuan Pelancungan menunjukkan bahawa kawasan Kuala Lumpur dan Pulau Pinang akan menghadapi masalah kekurangan bilik hotel bagi hotel-hotel kelas satu dan kelas pertengahan mulai tahun 1980.

2. Tempoh Galakan bagi Kuala Lumpur dan Pulau Pinang yang tamat pada 31hb Disember, 1973 telah dilanjutkan secara prinsip hingga akhir tahun 1979 untuk merangkumi hotel-hotel kelas pertengahan di kawasan-kawasan tersebut. Memandangkan kekurangan bilik-bilik hotel pada amnya terutama di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang,

adalah perlu untuk melanjutkan tempoh tersebut kepada 1986 bagi Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Sebagai tambahan, satu galakan baru dalam bentuk Kredit Cukai Hotel akan diperkenalkan bagi semua kawasan. Walau bagaimanapun untuk Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, Kredit Cukai Hotel itu hanya sehingga 31hb Disember, 1986.

#### *Cadangan*

3. Untuk memberikan galakan kepada industri perhotelan, adalah dicadangkan:

- (i) taraf perintis atau pengurangan pendapatan yang dikenakan cukai/elaun susutan dipercepat dilanjutkan kepada semua hotel (standad yang diluluskan) di Kawasan A yang dibina dan dibuka untuk perniagaan mulai 1hb Januari 1974 hingga 31hb Disember, 1986;
- (ii) mulai tahun taksiran semua hotel-hotel (standad yang diluluskan) akan layak memohon Kredit Cukai Hotel. Bagi Kawasan A, galakan dihadkan kepada hotel-hotel yang disiapkan dan dibuka untuk perniagaan pada 31hb Disember, 1986.

#### LAMPITAN IX

IX. HARTA YANG BOLEH DIKENAKAN CUKAI YANG DILEPASKAN PADA TAHUN KE 7 DAN SELANJUTNYA SELEPAS PENGAMBILANNYA TIDAK DIKENAKAN CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH (CKHT)

CKHT telah diperkenalkan sebagai langkah untuk mengurangkan spekulasi harta tanah dan ini dicerminkan dalam kadar-kadar struktur CKHT sendiri. Cukai ini dikira berdasarkan kadar menurun iaitu bermula dengan 40% atas keuntungan dari pelepasan harta dalam masa 2 tahun pertama kepada 5% bagi pelepasan pada tahun ke 6 dan seterusnya. Oleh kerana tidak ada had masa bagi penganan CKHT, keuntungan ke atas pelepasan harta yang telah lama dibeli masih lagi tertakluk kepada CKHT. Memandangkan tujuan CKHT bukan merupakan punca untuk mendapat hasil dan keuntungan ke atas pelepasan harta yang telah beberapa tahun diambilalih tidak merupakan keuntungan yang dibuat

berasaskan spekulasi, oleh itu ada justifikasi untuk mengadakan satu jangkamasa bagi maksud penganan CKHT.

#### *Cadangan*

2. Adalah dicadangkan supaya apa-apa keuntungan yang diperolehi daripada penjualan harta pada tahun ke 7 selepas ia diambilalih dan tahun-tahun berikutnya tidak dikenakan CKHT.
3. Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai hari Belanjawan.

#### LAMPIRAN X

X. MELUASKAN BIDANG PENGECUALIAN ATAS PINDAHMILIK HARTA OLEH SYARIKAT-SYARIKAT YANG MELAKSANAKAN PENYUSUNAN SEMULA EKUITI MEREKA UNTUK MEMATUHI DASAR EKONOMI BARU

Peruntukan dibawah CKHT yang mengecualikan keuntungan yang terbit dari penyusunan semula syarikat bagi mematuhi Dasar Ekonomi Baru didapati terlalu ketat. Syarikat-syarikat dikehendaki melaksanakan penyusunan semula ini menerusi pindahmilik saham atau sebahagian besarnya dalam bentuk saham dan bakinya dalam bentuk wang tunai. Syarat ini adalah ketat dan mungkin menghalang syarikat-syarikat untuk menyusun semula.

#### *Cadangan*

2. Bagi menggalakkan syarikat-syarikat melaksanakan penyusunan semula, adalah dicadangkan:
  - (i) sebarang pindah milik harta yang melibatkan bayaran wang tidak sepatutnya dikenakan cukai jika pindah milik itu dilakukan di bawah skim penyusunan semula yang diluluskan.
  - (ii) sebarang pembahagian harta oleh penyelesaian syarikat tidak sepatutnya dikenakan cukai jika pembubaran syarikat itu dilakukan di bawah skim penyusunan semula yang diluluskan.
3. Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai dari Hari Belanjawan.

## LAMPIRAN XI

XI. CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH TIDAK DIKENAKAN KE ATAS PELEPASAN HARTA KEPADA PIHAK BERKUASA YANG MEMPUNYAI KUASA MUTLAK UNTUK MENGAMBILALIH HARTA

Pada masa sekarang tuan punya harta yang terpaksa diambilalih adalah dikenakan CKHT ke atas keuntungan yang terbit dari pelepasan harta tersebut. Ini dianggap tidak adil kerana tuan punya harta tersebut adalah dipaksa melepaskan hartanya.

*Cadangan*

2. Adalah dicadangkan CKHT dipinda supaya keuntungan dari pelepasan yang sedemikian tidak akan tertakluk kepada cukai tersebut.
3. Cadangan ini akan bermula dari Hari Belanjawan.

## LAMPIRAN XII

XII. PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976 UNTUK MENGEQUALIKAN PINDAHMILIK ANTARA SUAMI ISTERI

Di bawah Akta CKHT sekarang, sebarang pindahmilik harta melainkan dengan cara pemberian dari suami kepada isteri atau sebaliknya adalah tertakluk kepada CKHT iaitu CKHT dikenakan bilamana pindahmilik tersebut melibatkan pembayaran. Pengecualian boleh diperolehi dengan menggunakan peruntukan pengecualian bagi sebuah rumah kepada seorang individu dalam seumur hidupnya. Walau bagaimanapun ini bermakna menggunakan peruntukan tersebut supaya keuntungan yang diperolehi daripada penjualan oleh suami kepada isteri atau sebaliknya tidak dikenakan cukai. Bagi keluarga itu, ini hanyalah merupakan sebagai penjualan daripada tangan kanan kepada tangan kiri iaitu melibatkan pindahmilik dari satu poket ke poket yang lain. Peruntukan pengecualian ke atas sebuah rumah ini sebenarnya bertujuan untuk memberi faedah kepada keluarga tersebut dalam urusannya dengan pihak ketiga dan tidak sepatutnya hilang dalam urusan sesebuah rumahtangga.

2. Keduanya, memandangkan bahawa pada masa ini Akta ini membenarkan satu pengecualian ke atas sebuah rumah bagi seorang individu dalam seumur hidupnya, ini bermakna bahawa dua pemilik rumah, lelaki dan perempuan yang belum berkahwin, tiap-tiap seorangnya adalah layak mendapat pengecualian ke atas sebuah rumah, dan dalam hal ini, bagi kedua-dua mereka, dua buah rumah boleh dikecualikan daripada CKHT. Di bawah peruntukan Akta CKHT sekarang, apabila kedua-dua mereka berkahwin, si isteri akan kehilangan kemudahan pengecualian sebuah rumah kerana untuk tujuan Akta, harta isteri adalah dianggap sebagai harta suami. Oleh kerana si suami hanya layak bagi pengecualian ke atas sebuah rumah, si isteri hilang kelayakannya oleh sebab harta beliau telah dianggap sebagai harta suaminya. Walau bagaimanapun bagi peruntukan pengenaan cukai, suami dan isteri adalah dianggap sebagai dua entiti yang berlainan dan tidak sebagai satu entiti rumahtangga. Oleh itu sebarang pindahmilik harta antara keduanya, selain dari secara pemberian, adalah tertakluk kepada CKHT. Satu cara untuk mengelak bayaran CKHT ialah dengan menggunakan pengecualian sebuah rumah bagi urusan tersebut. Oleh itu menghilangkan satu-satunya pengecualian yang layak kepada keluarga itu. Andainya pindahmilik tersebut dibuat sebelum mereka berkahwin, si isteri tadi masih boleh menggunakan kelayakan pengecualiannya pada masa itu. Oleh demikian pengecualian sebuah rumah untuk si suami masih boleh digunakan bagi pindahmilik dalam rumahtangga selepas perkahwinan.

*Cadangan*

3. Adalah dicadangkan supaya bagi sebarang pindah milik harta antara suami dan isteri, harga pelepasan dan harga pembeliannya akan dianggap sama dan tidak menimbulkan apa-apa keuntungan atau kerugian. Ini membenarkan pindah milik itu tidak dikenalkan CKHT.
4. Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai pada hari Belanjawan.

## LAMPIRAN XIII

XIII. CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH—  
KEUNTUNGAN DARI PELEPASAN  
HARTA DI ANTARA ORANG-ORANG  
YANG TIDAK MEMPUNYAI KAITAN  
KEKELUARGAAN

Di bawah Akta CKHT sekarang, Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri mempunyai kuasa untuk menggunakan nilai pasaran apabila urusan dilakukan antara orang-orang yang mempunyai kaitan kekeluargaan atau sesuatu harta dilepaskan tanpa apa-apa bayaran. Beliau tidak boleh menggunakan budibicaranya bagi urusan antara orang-orang yang tidak mempunyai hubungan kekeluargaan. Ini membolehkan orang-orang yang tidak ada kaitan kekeluargaan mengikrar nilai yang lebih rendah dari yang sepatutnya.

*Cadangan*

2. Untuk mengelakkan masalah mengikrar nilai yang lebih rendah dari yang sepatutnya, adalah dicadang supaya dimana Ketua Pengarah berpendapat bahawa harga pelepasan sesuatu harta itu tidak mencerminkan nilai pasaran, beliau boleh mengarahkan supaya nilai pasaran digunakan bagi menggantikan harga pelepasan tersebut.

3. Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai daripada hari Belanjawan.

## LAMPIRAN XIV

XIV. CADANGAN UNTUK MEMPERBAIKI DAN  
MENYELARAS SISTEM PEMBERIAN  
PENGECCUALIAN CUKAI KE ATAS  
BAHAN-BAHAN MENTAH DAN MESIN  
BAGI SEKTOR PENGILANGAN*Kedudukan Sekarang dan Objektif*

Pengeccualian cukai ke atas pengimportan bahan-bahan mentah dan mesin adalah diberi kepada industri-industri untuk pengeluaran dalam negeri dan juga untuk eksport. Industri yang terletak di Kawasan Perdagangan Bebas dan Gudang Pengilangan Berlesen adalah diberi pengeccualian penuh daripada cukai tokok, cukai jualan dan duti import secara automatik. Bagaimanapun bagi industri-industri lain yang terletak di luar zon-zon eksport tadi, peraturannya adalah menyulitkan kerana:

- (i) mereka mesti memohon pengeccualian bagi tiap-tiap kes kepada Jawatankuasa Penasihat Khas Berkenaan Tarif di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi pengeccualian cukai ke atas pengimportan bahan-bahan mentah, dan kepada Jawatankuasa Mesin di Perbendaharaan bagi mesin dan alat-alat;
- (ii) industri-industri perlulah memenuhi beberapa syarat dan kriteria sebelum permohonan mereka dapat diluluskan; dan
- (iii) memandangkan banyaknya jumlah permohonan yang perlu diproses oleh kedua-dua Jawatankuasa, sistem sekarang telah menyebabkan banyak kelambatan dan membanayakan beban pentadbiran ke atas agensi-agensi yang terlibat, seperti MIDA, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Perbendaharaan dan Kastam.

2. Oleh yang demikian, adalah perlu bagi menyelaras peraturan-peraturan sekarang agar sistem pengeccualian menjadi lebih cekap.

*Cadangan-cadangan:*

- (i) *Pengeccualian Cukai ke atas Bahan-bahan Mentah.* Sistem berkenaan akan diselaraskan dengan pemberian pengeccualian cukai secara automatik kepada semua industri. Ini akan dilakukan dengan memansuh cukai tokok dan, sebahagian cukai tokok yang perlu dibayar pada kadar 2% hingga 3% di bawah sistem yang ada akan disatukan dengan duti import. Ini bermakna bahan-bahan mentah yang pada masa ini dikenakan cukai tokok tetapi tidak duti import, akan dikenakan duti import 2% hingga 3% tetapi tidak akan dikenakan cukai tokok. Cadangan ini adalah lebih baik kerana pengilang-pengilang tidak lagi perlu mengemukakan permohonan untuk mendapat pengurangan duti 2% atau 3% kerana kadar duti dikenakan secara

otomatik ke atas pengimportan bahan-bahan mentah. (Senarai bahan-bahan mentah yang terlibat adalah seperti di Lampiran XIVA).

- (ii) Bagi galakan selanjutnya, industri-industri yang mengimport bahan-bahan mentah yang tertakluk kepada 2% atau 3% duti import, boleh memohon pengecualian dari duti ini jika industri-industri tersebut mematuhi Dasar Ekonomi Baru dari segi penyertaan ekuiti, pengurusan dan struktur gunatenaga dengan pengesahan oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing.
- (iii) Mesin dan alat-alat. Cukai tokok dan cukai jualan ke atas pengimportan mesin-mesin dan alat kelengkapan yang tidak boleh didapati di dalam negeri dan di bawah sistem sekarang dikecuali berdasarkan tiap-tiap kes, akan dimansuhkan. Bagaimanapun, duti import dan cukai jualan akan terus dikenakan ke atas mesin-mesin dan alat-alat kelengkapan yang dikeluarkan di dalam negeri bagi melindungi industri-industri tempatan. (Sila lihat Lampiran XIVB untuk senarai mesin).
- (iv) *Tarikbalik Cukai*. Pekilang-pekilang yang telah membayar cukai ke atas pengimportan bahan-bahan mentah mereka dan menggunakan bahan-bahan tersebut bagi mengeluarkan barang-barang eksport adalah layak menuntut tarikbalik cukai ke atas cukai-cukai yang telah dibayar. Ini adalah satu bentuk galakan yang diberi kepada pekilang-pekilang yang berorientasi eksport yang tidak menikmati kemudahan-kemudahan Zon Perdagangan Bebas/Gudang Pengilangan Berlesen atau yang belum mendapat pengecualian ke atas pengimportan bahan-bahan mentah mereka. Sistem tarikbalik cukai yang ada sekarang ini, walau bagaimanapun, adalah menyulitkan pekilang-pekilang dan akibatnya hanya sebahagian kecil yang mengambil kesempatan daripada

kemudahan ini. Oleh yang demikian adalah dicadangkan sistem tersebut dipermudahkan agar pekilang-pekilang dapat memperoleh tarikbalik cukai dalam jangkamasa yang pendek. Di bawah sistem baru ini, mana-mana pekilang akan dibenarkan mengemuka tuntutan tarikbalik cukai kepada Jabatan Kastam selagi ianya dapat menunjukkan bukti prestasi eksport dan mengemuka keterangan oleh juruodit bebas untuk mengesahkan jumlah bahan-bahan mentah yang digunakan dalam mengeluarkan barang-barang yang dieksport.

#### LAMPIRAN XV

##### XV. PENGHAPUSAN CUKAI EKSAIS KE ATAS BARANG-BARANG YANG TERPILIH

Pada masa ini terdapat 721 kilang dan pengeluaran yang berlesen. Dalam tahun 1980, sejumlah \$873 juta cukai eksais telah dipungut. Daripada jumlah ini, 87% adalah dipungut daripada empat keluaran utama iaitu keluaran petroleum, tembakau dan kereta bermotor. Jumlah cukai yang dipungut atas keluaran-keluaran yang lain adalah kecil. Dengan tujuan untuk meringankan kesan-kesan buruk inflasi terutama sekali ke atas golongan-golongan yang berpendapatan rendah dan pada masa yang sama untuk mengurangkan kos pentadbiran kastam, adalah wajar cukai eksais ke atas beberapa barang-barang pengguna dihapuskan.

##### *Cadangan*

2. Adalah dicadangkan cukai eksais ke atas barang-barang berikut dihapuskan:

1. Lampu-lampu elektrik
2. Periok nasi elektrik
3. Dapor gas
4. Seterika elektrik
5. Cerek elektrik
6. Oven
7. Ubat gigi
8. Sabun, alat-alat membasuh dan serbuk penggosok

9. Simen
  10. Piring hitam gramafon
  11. Kipas angin dan
  12. Tilam
3. Adalah juga dicadangkan supaya cukai import ke atas barang-barang yang tersebut di atas dikurangkan untuk menggambarkan penghapusan cukai eksais (Lampiran XVA).

#### LAMPIRAN XVI

##### XVI. KAJIAN SEMULA DUTI IMPORT, CUKAI TOKOK DAN CUKAI JUALAN KE ATAS BARANG-BARANG MAKANAN DAN LAIN-LAIN BARANG PENTING PENGGUNA

Kebanyakan barang-barang makanan dan lain-lain barang penting yang diimport tidak dikenakan apa-apa duti. Bagaimanapun, setengah daripada barang-barang tersebut masih tertakluk kepada kawalan import, duti import, cukai tokok dan cukai jualan. Oleh kerana cukai dan kawalan import ke atas pengimportan barang-barang ini biasanya menaikkan harga, adalah perlu dikaji duti-duti dan kawalan-kawalan import supaya bekalan barang-barang ini dapat ditambah dan harganya dikurangkan melalui persaingan.

2. Untuk tujuan kajian semula ini, barang-barang tersebut telah digolongkan ke dalam empat kategori utama. Kategori I (Lampiran XVIA) mengandungi barang-barang makanan dan lain-lain barangan penting yang tertakluk kepada cukai. Kategori 2 (Lampiran XVIB) mengandungi barang-barang yang digunakan oleh petani-petani dan lain-lain golongan berpendapatan rendah. Kategori 3 (Lampiran XVIC) mengandungi barang-barang tertakluk kepada pengawasan harga dibawah Akta Kawalan Bekalan dan kategori 4 (Lampiran XVID) mengandungi barang-barang tertakluk kepada kawalan import.

#### *Cadangan*

3. Adalah dicadangkan:

- 3.1 bagi barang-barang dalam kategori 1 di Lampiran XVIA, duti import, cukai tokok dan cukai jualan

dimansuh atau dikurangkan seperti dalam ruang-ruang 3, 6 dan 7 di lampiran tersebut;

- 3.2 bagi barang-barang dalam kategori 2, dalam Lampiran XVIB, duti import, cukai tokok dan cukai jualan, kawalan import ditambah, dimansuh dikurang atau dikekalkan seperti dalam ruang-ruang 4, 5, 6 dan 7 di lampiran tersebut;

- 3.3 bagi barang-barang dalam kategori 3 di Lampiran XVIC, duti import, cukai tokok dan kawalan import dimansuh, dikurang atau dikekalkan seperti dalam ruang-ruang 4, 5, 6 dalam lampiran; dan

- 3.4 bagi barang-barang dalam kategori 4 di lampiran XVID, duti import, cukai tokok, cukai jualan dan kawalan import, dimansuh, dikurang atau dikekalkan seperti dalam ruang-ruang 4, 5, 6 dan 7. Dimana kawalan import telah dimansuhkan tetapi barang-barang berkenaan masih memerlukan perlindungan, kawalan import adalah digantikan dengan duti import.

#### LAMPIRAN XVII

##### XVII. PENGECEUALIAN CUKAI PENDAPATAN KE ATAS FAEDAH YANG DIDAPATI DARIPADA SIMPANAN TABUNGAN DAN SIMPANAN TETAP

Pada masa sekarang sebagai satu langkah untuk menggalakkan penyimpanan wang, pengecualian akan diberi ke atas faedah yang didapati daripada simpanan tabungan yang berjumlah sehingga \$30,000 di Bank Simpanan Nasional, faedah daripada simpanan tabungan yang berjumlah sehingga \$10,000 dengan bank-bank perdagangan dan institusi-institusi kewangan lain yang diluluskan dan faedah ke atas simpanan tetap berjumlah sehingga \$10,000 dengan tempoh kematangan melebihi 12 bulan. Dividen-dividen yang didapati daripada Amanah Saham Nasional dan lain-lain amanah saham yang diluluskan berjumlah sehingga \$4,000 adalah juga dikecualikan daripada cukai pendapatan.

2. Adalah dirasakan perlu untuk menyesuaikan galakan ini bagi menggalak orang-orang perseorangan untuk menyimpan.

#### *Cadangan*

3. Adalah dicadangkan bahawa:

- (i) semua faedah yang diperolehi daripada simpanan tabungan yang dibuat dengan Bank Simpanan Nasional dikecualikan daripada cukai pendapatan, iaitu, tiada had ke atas jumlah simpanan itu;
- (ii) faedah yang didapati daripada simpanan-simpanan tabungan yang berjumlah sehingga \$10,000 yang dibuat oleh individu persendirian dengan koperasi yang berdaftar, Bank Pertanian, Tabung Haji, Malaysia Building Society Berhad, akan dikecualikan daripada cukai pendapatan. Bagi faedah yang didapati daripada simpanan tabungan dengan bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan pengecualian sekarang ini akan dihadkan kepada faedah yang didapati daripada simpanan tabungan maksima \$1,000 dan tidak \$10,000 seperti pada masa sekarang.
- (iii) faedah yang didapati daripada simpanan-simpanan tetap oleh individu-individu persendirian termasuk orang-orang asing, yang tempoh kematangannya melebihi 12 bulan yang disimpan dengan bank-bank perdagangan dan lain-lain institusi kewangan dikecualikan daripada cukai pendapatan, dengan tidak menetapkan had jumlah simpanan yang dibuat;
- (iv) dividen-dividen yang dikecualikan daripada cukai yang diperolehi dari pelaburan dalam Amanah Saham Nasional dan lain-lain amanah saham yang diluluskan, adalah dinaikkan daripada \$4,000 kepada \$5,000 setahun.

4. Cadangan ini mula berkuatkuasa daripada tahun taksiran 1982.

#### LAMPIRAN XVIII

#### XVIII. CUKAI PEGANGAN KE ATAS FAEDAH YANG DIBAYAR KEPADA BUKAN PEMASTAUTIN

Adalah perlu dikaji semula cukai ini kerana pada praktiknya cukai tersebut selalunya dibayar oleh peminjam rakyat Malaysia dan ini merupakan kos tambahan yang meningkatkan kos bagi pinjaman asing. Pinjaman asing adalah perlu bagi pembiayaan atau operasi perniagaan, bayaran kepada bukan pemastautin bagi pengimportan barang dan perkembangan pelaburan di luar operasi perniagaan, bayaran kepada bukan pemastautin bagi pengimportan barang-barang dan perkembangan pelaburan di luar negeri bagi pembelian harta-harta kepunyaan bukan pemastautin di Malaysia.

#### *Cadangan*

2. Adalah dicadangkan:

- (i) bank-bank perdagangan dan bank-bank saudagar di Malaysia dibenarkan untuk:
    - (a) memberi pinjaman dalam matawang asing kepada pemastautin di Malaysia; dan
    - (b) memberi pinjaman secara sindikit dalam matawang asing kepada pemastautin di Malaysia; dan
  - (ii) faedah yang dibayar kepada semua bukan pemastautin oleh bank-bank yang berlesen dibawah Akta Bank 1973 dikecualikan daripada cukai pegangan.
3. Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1982.

#### LAMPIRAN XIX

#### XIX GALAKAN CUKAI BAGI INDUSTRI PERKAPALAN

Didalam Belanjawan 1979, sekim galakan cukai bagi perkapalan telah diperkenalkan bagi menggalak pembangunan industri

tersebut di Malaysia. Pengecualian penuh dari cukai pendapatan diberi bagi tempoh 12 tahun bermula dari tahun permulaan operasi.

2. Dua syarat telah dikenakan:

- 2.1 Syarikat dibenar untuk mengisytihar dividen yang dikecualikan dari cukai hanya setakat kadar maksima 10% dari modal dibayar; dan
- 2.2 Sekurang-kurangnya 75% dari kumpulan wang cadangan membeli kapal digunakan untuk membeli kapal.

*Kajian Semula Syarat-syarat*

3. Kajian semula syarat-syarat telah dibuat dan adalah didapati bahawa:

- 3.1 Kadar 10% yang dikecuali dari cukai adalah sama dengan kadar kasar sebanyak 16.7%. Walaupun terdapat pulangan atas pelaburan dan kadar dividen yang rendah diisytihar oleh lain-lain jenis pelaburan, pada amnya kadar pulangan dari kebanyakan sektor di dalam ekonomi Malaysia yang berkembang selalunya melebihi 15% walaupun ke atas pelaburan yang melibatkan risiko yang lebih rendah. Ini membuat had dividen 10% yang dikecualikan cukai yang boleh diisytihar oleh syarikat-syarikat perkapalan dari pelaburan yang melibatkan risiko yang tinggi dan modal terikat yang banyak tidak begitu menggalakkan.
- 3.2 Syarat-syarat di perenggan 2.2 didapati sangat ketat. Ada kemungkinan syarikat-syarikat boleh memenuhi syarat penggunaan minima 75% dari kumpulan wang cadangan membeli kapal dalam beberapa tahun tetapi mungkin gagal untuk berbuat demikian ditahun-tahun akhir tempoh pengecualian. Oleh itu, tidak melayakkan mereka menikmati semua faedah-faedah galakan yang dianggap telah diperolehi pada tahun-tahun sebelumnya.

*Cadangan-cadangan*

4. Dengan mengambil ingatan kepada sekatan galakan-galakan yang ada, adalah dicadangkan satu sekim galakan yang baru diberi. Pengecualian cukai pendapatan akan diberi kepada semua syarikat-syarikat perkapalan Malaysia bagi tempoh 24 tahun mulai taksiran tahun 1982 atau tarikh penubuhan yang mana lebih akhir. Syarikat-syarikat dikehendaki memenuhi dua syarat:

- (a) mereka tidak boleh mengisytihar lebih dari 15% dividen yang dikecualikan cukai bagi pemilik saham;
- (b) mereka mesti menggunakan sekurang-kurangnya 75% dari kumpulan wang cadangan membeli kapal bagi pembelian kapal-kapal berdasarkan perkara-perkara berikut:
  - (i) bagi 12 tahun pertama di bawah sekim ini, pengecualian penuh akan diberikan sekiranya 75 peratus had penggunaan dipenuhi pada akhir tiap-tiap empat tahun. Sekiranya ini tidak dapat dilakukan mereka akan dibenarkan untuk memenuhi syarat 75 peratus itu pada akhir tahun ke 12;
  - (ii) bagi 12 tahun berikutnya syarikat-syarikat akan diperiksa setiap 4 tahun untuk menentukan penggunaan 75 peratus kumpulan wang cadangan membeli kapal itu serta had dividen 15 peratus yang dikecualikan dari cukai. Sekiranya syarat-syarat tersebut dipenuhi syarikat-syarikat berkenaan akan dibenarkan 50% pengurangan pendapatan kena cukai ke atas pendapatan yang dikenakan cukai.

LAMPIRAN XX

XX. GALAKAN CUKAI BAGI INDUSTRI INSURAN DALAM BIDANG RISIKO SEMASA PELAYARAN

Pada masa ini, hanya sebilangan kecil syarikat insuran telah memnceburi bidang insuran antarabangsa. Perniagaan dalam bidang ini adalah sangat kompetitif dan syarikat-syarikat insuran tempatan tidak

dapat bertanding dengan efektif disebabkan kekurangan pengalaman serta kerana tidak dapat menawarkan kadar premium yang rendah. Oleh itu suatu bentuk galakan adalah diperlukan untuk membantu industri insuran untuk mendapati bahagian yang lebih besar dari perniagaan insuran antarabangsa yang mana adalah perlu untuk mengukuhkan imbalan pembayaran kita.

#### *Cadangan*

2. Bagi menggalakkan industri insuran tempatan menceburi perniagaan insuran antarabangsa, adalah dicadangkan supaya kadar pengurangan sebanyak 5% ke atas keuntungan bagi insuran semula ke dalam negeri dipanjangkan kepada keuntungan dari insuran yang meliputi risiko semasa pelayaran.

3. Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1982.

#### LAMPIRAN XXI

XXI. GALAKAN CUKAI BAGI PENGIMPORT-PENGIMPORT MALAYSIA YANG MENGAMBIL INSURAN DARI SYARIKAT-SYARIKAT YANG DITUBUHKAN DI MALAYSIA

3. Pada masa ini, tidak ramai pengimport-pengimport yang mengambil polisi insuran bagi barang-barang importan mereka dari syarikat-syarikat insuran yang ditubuhkan di Malaysia. Sebagai misalan, pada tahun 1979, jumlah bersih premium ke atas barang-barang import yang diambil dari syarikat-syarikat insuran tempatan hanyalah 12% dari jumlah kasar. Oleh itu memang ada sebab-sebab yang munasabah untuk memberi galakan kepada industri tersebut untuk mengambil kesempatan terhadap peluang ini yang mana akan meninggikan pendapatan dari premium perkapalan di Malaysia. Ini akan menolong mengurangkan pembayaran premium insuran keluar negeri dan mengukuhkan kira-kira akaun perkhidmatan dalam imbalan pembayaran.

#### *Cadangan*

2. Adalah dicadangkan supaya potongan dua kali diberi kepada mana-mana pengimport bagi premium insuran ke atas

barang-barang yang diimport ke negara ini, dengan syarat insuran tersebut diambil dari syarikat yang ditubuhkan di Malaysia.

3. Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1982.

#### LAMPIRAN XXII

XXII. AKTA CUKAI PENDAPATAN—KAJIAN SEMULA PENALTI 1% BAGI PEMBAYARAN LEWAT

Di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 sekarang, penalti sebanyak 10% dikenakan apabila bayaran tidak dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh pemberitahu taksiran atau dalam tempoh yang dilanjutkan. Penalti ini akan ditambah sebanyak 1% dikira ke atas baki yang belum dibayar pada setiap tempoh 30 hari tertakluk kepada lima tempoh maksima. Penalti tambahan ini akan bermula apabila tamat tempoh 30 hari daripada tarikh penganan penalti 100%.

2. Penganan penalti tambahan sebanyak 1% ke atas baki yang belum dibayar pada akhir setiap tempoh 30 hari telah menimbulkan beban pentadbiran kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri. Ini telah menyebabkan kerja berperingkat-peringkat dan menambah beban kerja lima kali ganda.

#### *Cadangan*

3. Untuk mengekalkan kecekapan, adalah dicadangkan supaya penalti 1% ini digantikan dengan penalti 5% yang akan dikenakan ke atas baki mana-mana bahagian cukai yang masih belum dibayar pada akhir jangkamasa 60 hari selepas penalti pertama sebanyak 10% itu.

4. Ini adalah satu langkah pentadbiran dan tidak ada kehilangan hasil dialami.

#### LAMPIRAN XXIII

XXIII. CADANGAN PENGHAPUSAN DUTI IMPORT DAN CUKAI TOKOK KE ATAS VENEER PERMUKAAN

Pengilang kayu lapis Malaysia menghadapi kekurangan veneer permukaan. Pada masa ini veneer adalah tertakluk kepada 20 peratus

duti import dan 5 peratus cukai tokok. Cukai yang tinggi ini adalah untuk melindungi dua buah syarikat-syarikat tempatan yang mengeluarkan veneer. Walau bagaimanapun, kedua-dua syarikat ini tidak dapat memenuhi permintaan veneer dari industri kayu lapis. Terdapat alasan-alasan yang menasabah untuk membenarkan import veneer permukaan bagi memenuhi kekurangan dalam bekalan tempatan.

#### *Cadangan*

2. Bagi membantu industri kayu lapis Malaysia dalam mengatasi kekurangan bekalan veneer permukaan, adalah dicadangkan supaya duti import dan cukai tokok ke atasnya dihapuskan.

#### LAMPIRAN XXIV

XXIV. CADANGAN MENAIKKAN DUTI EKSPORT KE ATAS ROTAN

Buat masa ini Malaysia sedang menghadapi kekurangan bahan mentah bagi industri-industri yang berasaskan rotan. Kadar duti sekarang ialah 10% bagi rotan bulat dan 5% bagi rotan belah. Juga, oleh kerana tidak ada harga yang diwarta bagi rotan, telah terdapat pengikraran nilai yang lebih rendah dari sepatutnya bagi rotan yang dieksport ke Singapura.

#### *Cadangan*

2. Dengan tujuan untuk menentukan bekalan tempatan yang cukup dan juga bagi mengatasi masalah pengikraran nilai yang lebih rendah, adalah dicadangkan duti eksport ke atas semua rotan dikenakan pada kadar spesifik sebanyak \$1,350 satu ton. Ini merupakan kenaikan dari 10% kepada 20% bagi rotan bulat dan 5% kepada 20% bagi rotan belah.